

**19871**

**A. Samad Idris:et.al: Luak tanah mengandung. Seremban:  
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri dan  
Kerajaan Negeri Sembilan, 1994.**

# **BAB 1**

---

## **LUAK ULU MUAR**

---



**Dato' Abu Zarin bin Sulaiman, PPS (Sel)**

*Dato' Bendahara Setia Maharaja  
Setia Maharaja Lela Pahlawan  
Penghulu Luak Ulu Muar*



**Dato' Abu Hassan Sulaiman**  
(Dato' Paduka Besar)



**Dato' Khalid Bonget**  
PJK, PK  
(Dato' Seri Maharaja)



**Dato' Hj. Pilus Maaris**  
(Dato' Senara Muda)



**Dato' Md. Shah Idris**  
(Dato' Syahbandar)



**Dato' Yaakob Sudin PJK**  
(Dato' Peda Maharaja)






**Dato' Hj. Yaakob Ali**  
(Dato' Orang Kaya Kecil)



**Dato' Sulaiman bin Mat Kasan**  
(Dato' Maharaja)



**Dato' Hj Adnan bin Hj Mohd Sharif**  
(Dato' Maharaja Lela)



**Dato' Ujang bin Idam**  
(Dato' Penghulu Dagang)



**Dato' Ibrahim bin Hj Salleh**  
(Dato' Semaharaja)

## **PENGHULU DAN LEMBAGA LUAK ULU MUAR**

- |  |  |
|--|--|
| 1. Dato' Bendahara Setia Maharaja,<br>Setia Maharaja Lela Pahlawan<br>(Dato' Abu Zarin bin Sulaiman) | - Penghulu Luak Ulu Muar<br>Suku Biduanda Waris,<br>Lantai Kulit.    |
| 2. Dato' Perdana<br>(Dato' Sulaiman b. Sutan)  | - Bakal Penghulu Luak<br>Suku Biduanda Waris,<br>Lantai Kulit.       |
| 3. Dato' Perba<br>(Dato' Nor Azin Al-Ain)  | - Bakal Dato' Perdana<br>Suku Biduanda Waris,<br>Lantai Kulit.       |
| 4. Dato' Baginda Maharaja<br>(Dt. Abdullah bin Hussin)   | - Haluan Sembah dan Serempu<br>Suku Biduanda Waris,<br>Lantai Kulit. |
| 5. Dato' Shahbandar<br>(Dt. Md. Shah b. Idris)   | -<br>Suku Biduanda Waris<br>Lantai Kulit.                            |

### **Haluan Sembah**

Dato' Baginda Maharaja  
(Dt. Mohd Zain bin Ujud)

- Suku Seri Lemak Pahang

### **Lembaga Yang Empat.**

- |  |                              |
|--|------------------------------|
| 1. Dato' Paduka Besar<br>(Dt. Abu Hassan b. Sulaiman)    | - Suku Tanah Datar           |
| 2. Dato' Seri Maharaja<br>(Dt. Khalid Bonget PJK., PK)   | - Suku Mungkal               |
| 3. Dato' Senara Muda<br>(Dt. Hj. Pilus Maaris)           | - Suku Serilemak Minangkabau |
| 4. Dato' Orang Kaya Bongsu<br>(Dt. Hj. A. Aziz Mohd Nor) | - Suku Seri Melenggang       |

## **Lembaga Yang Delapan.**

1. Dato' Peda Maharaja  
(Dt. Hj. Yaakob b. Sudin) - Suku Tiga Batu
2. Dato' Senara Kaya  
(Dt. Hj. Idris Tain) - Suku Paya Kumbuh
3. Dato' Senara Angsa  
(Dt. Hj. Nordin A. Hamid) - Suku Batu Belang
4. Dato' Orang Kaya Kecil  
(Dt. Hj. Yaacob b. Adi) - Suku Anak Acheh
5. Dato' Maharaja  
(Dt. Sulaiman b. Kasan) - Suku Batu Hampar
6. Dato' Bangsa Balang  
(Dt. Hj. Abu Hassan b. Ali) - Suku Seri Lemak Pahang
7. Dato' Maharaja Lela  
(Dt. Hj. Adnan b. Hj. Mohd Sharif) - Suku Tiga Nenek
8. Dato' Baginda Raja  
(Dt. Yazid b. Mohd Nor). - Suku Biduanda Sungai Ujong

## **Lembaga Tambahan**

1. Dato' Penghulu Dagang  
(Dt. Ujang b. Idam) - Suku Binduanda Jawa
2. Dato' Orang Kaya Muda - Suku Seri Lemak Minangkabau
3. Dato' Perdana  
(Dt. Ali b. Ismail) - Suku Tanah Datar
4. Dato' Seri Maharaja  
(Dt. Hj. Ibrahim b. Hj Salleh) - Suku Mungkal

# LUAK ULU MUAR

## 1. ASAL NAMA LUAK

- 1.1 Menurut pertuturan sejarah lisan di Negeri Sembilan, J.E. Nathan dan R.O. Winstedt dalam 'Papers On Malay Subjects' membahagikan pentadbiran di Negeri ini kepada tiga period iaitu:
  1. Peringkat awal abad dengan dipecahkan kepada empat negeri Sakai (iaitu Sungai Ujong, Klang, Jelebu dan Johol),
  2. Peringkat peralihan dengan empat negeri Sakai kepada sembilan negeri Minangkabau dibawah kuasa Johor, dan
  3. Peringkat moden apabila sembilan Negeri Minangkabau itu membentuk kerajaan sendiri dengan pelebagaan bebas dibawah raja mereka sendiri bergelar Yang di-Pertuan Besar (Yamtuan).
- 1.2 Lima luak yang termasuk dalam 'Luak Tanah Mengandung' ini ialah Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas. Empat lagi luak dalam pembentukan kerajaan Negeri Sembilan iaitu Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Johol termaktub dalam perlebagaan negeri sebagai 'UNDANG YANG EMPAT'.
- 1.3 Penghulu-penghulu luak dalam lima 'Luak Tanah Mengandung' menjadi pembesar kepada Yamtuan mengikut perjanjian tahun 1293 Hijrah bersamaan 1876 Masihi. Dalam beberapa kajian sebelum ini memang timbul beberapa kekeliruan mengenai sembilan negeri yang bergabung dalam 'Negeri Sembilan' apabila Raja Melewar menaiki takhta tahun 1773.
- 1.4 Nathan dan Winstedt memasukkan Pasir Besar, Jelai dan Ulu Pahang dalam senarai sembilan negeri berkenaan. Tetapi kemudiannya Pasir Besar ditukar kepada Ulu Muar setelah kedudukannya tidak lagi bertaraf luak. Jelai pula ditukar kepada Inas dan Ulu Pahang dimansuhkan dengan Kenaboi (atau Ulu Pahang) menjadi sebahagian daripada Luak Jelebu.

- 1.5 Kedudukan lima penghulu luak di Luak Tanah Mengandung dipercayai mula menurun hanya selepas perjanjian 1898. Dalam perjanjian ini hanya UNDANG YANG EMPAT bersama Yamtuan Tuanku Muhammad sahaja mewakili Negeri Sembilan dengan E.W. Birch mewakili kerajaan Inggeris.
- 1.6 A. Samad Idris dalam 'Takhta Kerajaan Negeri Sembilan' (1961) menyebut mengenai kedudukan penghulu di lima luak Tanah Mengandung ini dalam istiadat rasmi di istana Seri Menanti.

*"..... Sebelum itu telah juga diadakan mengadap tetapi tidaklah dilakukan secara istiadat seperti yang ada sekarang ini, setelah perjanjian di antara Undang dengan Yamtuan pada tahun 1898' dibuat, maka Undang Yang Empat ini tidaklah mengadap ke Seri Menanti seperti yang dilakukan oleh Undang yang terdahulu. Dato'-dato' yang mengadap itu hanya terbatas kepada dato'-dato' penghulu Luak Tanah Mengandung dan juga penghulu-penghulu luak Gemencheh, Ayer Kuning dan Dato' Muda Linggi sahaja, istiadat ini dilakukan tiap-tiap tiga tahun sekali dan biasanya diadakan pada tiap-tiap lepas hari raya haji...."*

- 1.7 Kedudukan lima luak ini pula adalah berpusat di istana Seri Menanti, tidak seperti 'Luak Yang Empat' lagi, berpusat di Balai Undang. Apabila Raja Melewar membawa angkatanmuja menuju ke Negeri Sembilan sekitar abad ke 18, angkatan tersebut terpaksa berperang dengan anak-anak raja Bugis di Naning. Selepas berjaya mengalahkan angkatan anak-anak raja Bugis, Raja Melewar terus ke Rembau dan bersemayam di Astana Raja, Penajis.

Di sinilah timbulnya perbilangan selepas Raja Melewar itu menaiki takhta di Seri Menanti:

**Tanah Kerjan (Kerajaan) di Penajis  
Tariah Mengandung di Seri Menanti.**

- 1.8 Dengan yang demikian luak yang termasuk di dalam 'Tanah Mengandung' ialah wilayah di bawah kekuasaan Seri Menanti. Dalam catatan dato'-dato' lembaga di Luak Ulu Muar mengenai penjelasan 'Tanah Mengandung' seperti berikut:

743092

"..... 'Tanah Mengandung' adalah sebidang tanah kepunyaan suku Seri Lemak Minangkabau, luak Ulu Muar. Tanah ini telah dikurniakan oleh dato' lembaga suku Seri Lemak Minangkabau atas perkenan Penghulu Luak Ulu Muar kepada Yamtuan Seri Menanti untuk mendirikan istana dan zuriat ke bawah duli tuanku.

Hingga sekarang ini masih boleh dilihat tanda pemberian sekeping tanah tersebut iaitu sehelai kain putih yang disebut 'jejak-jejak' dalam adat. Kain putih ini direntang di dalam balairong seri di hadapan singgahsana. Kain putih/jejak-jejak ini adalah kepunyaan Dato' Senara Muda - Lembaga Yang Empat, Ulu Muar.

Surau di istana Besar Seri Menanti itu juga pegawainya daripada suku Seri Lemak Minangkabau iaitu Khatib Raja. Begitulah besarnya pengorbanan Penghulu Luak Ulu Muar demi menegakkan takhta Tuanku Yang di-Pertuan Besar...."

- 1.9 Pergolakan dalam tahun 1874 misalnya berlaku di antara Seri Menanti (beserta Luak Tanah Mengandung) dengan Sungai Ujong sahaja, tanpa melibatkan luak-luak yang lain. Krisis ini bermula apakala Yamtuan Antah secara terbuka menyokong Dato' Shahbandar yang berperang melawan Dato' Kelana Putera di Sungai Ujong.
- 1.10 Dato' Shahbadar Tunggal (Abdullah bin Ahmad, 1849 - 1874) tidak puas hati apabila Dato' Kelana Putera Syed Abdul Rahman (Syed Aman) bersama Dato' Muda Linggi menanda tangani perjanjian dengan Gabenor negeri-negeri Selat di Singapura, Sir Andrew Clarke pada 21 April, 1874, antara lain berbunyi:

".... Maka sekarang di hadapan saksi adalah kami yang mempunyai nama dan cap mohor yang termetri di bawah ini memberi pengakuan bertanggungjawab dan terikat kepada Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Victoria, United Kingdom of Great Britain dan Ireland, raja, sebanyak \$50,000/- yang akan dibayar kepada Seri Paduka Baginda, dan ganti-gantinya di atas takhta kerajaan dan untuk menentukan yang bayaran ini tidak akan mungkir maka terikatlah kami kepada perjanjian ini ...."

- 1.11 Semua lima luak Tanah Mengandung di bawah kekuasaan Seri Menanti memberi sokongan kepada langkah Yamtuan Antah menyebelahi Dato' Shahbandar Sungai Ujong. Peperangan ini meletus dan berakhir dengan kekalahan. Yamtuan Antah, mengikut perjanjian pada 23 November, 1876, Yamtuan Antah hanya berkuasa memerintah Seri Menanti meliputi Johol, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas.
- 1.12 Ketika Raja Melewar menaiki takhta kedudukan lima Luak Tanah Mengandung ini tidak sama dengan luak-luak yang memegang UNDANG YANG EMPAT. Bagaimanapun dalam perjanjian bertarikh 4, Jun, 1887 bagi menetapkan keturunan Yamtuan Radin sebagai Yamtuan Seri Menanti, Penghulu-penghulu Luak Tanah Mengandung ikut sama menanda tangani perjanjian tersebut.
- 1.13 Mukadimah dalam perjanjian berkenaan jelas disebutkan pembabitan lima Penghulu Luak Tanah Mengandung ini yang berbunyi:

*"... Bahawa inilah perjanjian yang telah diperbuat pada hari ini, tarikh 12 Ramadan Sunnah 1300 bersamaan 4 Jun. 1887 di antara Tuan Yang Terutama Sir Fredrick Alusysweld G.C.M.G. Gabenor dan ketua pemerintah bagi tiga buah negeri Singapura, Pulau Pinang dan Melaka serta jajahannya bagi pihak kerajaan dengan Yang Maha Mulia Tuanku Antah Seri Menanti serta keredaan atau seikrar dengan dato'-dato' penghulu negeri itu, Johol, Inas, Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir bagi pihak Negeri Sembilan ..."*

- 1.14 Dokumen ini melengkapkan bahawa lima Luak Tanah Mengandung yang terbabit tidak dapat dipertikalkan lagi kedudukannya dalam pemerintahan Negeri Sembilan. Sekalipun sebelum tahun 1773, Gunung Pasir dan Tampin tidak termasuk dalam persatuan sembilan negeri itu, tetapi perlembagaan negeri 1895 telah menetapkan negeri-negeri yang bergabung dalam Negeri Sembilan ialah:

1. Sungai Ujong
2. Jelebu
3. Johol (termasuk Inas)
4. Rembau

5. Tampin
6. Ulu Muar
7. Jempol
8. Terachi
9. Gunung Pasir

Dengan ini sembilan negeri yang bergabung sebelum tahun 1773 bagi membolehkan Raja Melewar menaiki takhta tidak lagi berfungsi selepas undang-undang tubuh tahun 1895 itu.

Gabungan sembilan negeri sebelumnya ialah:

1. Sungai Ujong
2. Jelebu
3. Johol
4. Rembau
5. Jelai (Kemudian Inas)
6. Kelang
7. Naning
8. Segamat (dan Pasir Besar di bawah Jempol), dan
9. Ulu Pahang (Kenaboi, kemudiannya masuk ke Jelebu)

1.15 Pergolakan politik penjajah kemudiannya memaksa perpecahan ke atas sembilan negeri itu. Naning diletak dibawah pentadbiran Melaka dalam tahun 1870-an, manakala sebelumnya anak-anaknya raja Bugis di Selangor menuntut Kelang. Segamat pula terlepas daripada pegangan Penghulu Luak Jempol yang kemudiannya menyertai Johor. Sebahagian Ulu Pahang pula masuk ke negeri Pahang dengan meninggalkan Kenaboi kepada Luak Jelebu.

1.16 Lima Luak Tanah Mengandung dan Tampin ternyata tidak termasuk dalam persatuan sembilan negeri yang diasaskan tahun 1773. Hanya empat sahaja luak yang terus kekal sejak tahun 1773 iaitu: Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Johol dikenali sebagai kuasa **UNDANG YANG EMPAT**. Seri Menanti di bawah pemerintahan Yamtuan Antah tahun 1876 dikenali sebagai **LUAK TANAH MENGANDUNG** yang mengandungi:

1. Ulu Muar
2. Jempol



3. Terachi
4. Inas
5. Gunung Pasir

## 2. ULU MUAR

2.1 Sumber pertuturan lisan orang tua-tua mengenai asal nama Ulu Muar masih terpengaruh dengan unsur-unsur mitos. Mereka menimbulkan kisah kedatangan tujuh orang perantau Hindustan yang memudiki sebatang sungai berpindah dari Singapura ke satu penempatan. Di situ mereka diserang oleh ratusan belalang kunyit. Disebabkan mereka muak (jemu) memudiki sungai berkenaan lalu dinamakan 'Muak' yang kemudiannya bertukar menjadi 'Ulu Muar'.

2.2 Dalam ilmu geografi Sungai Muar telah wujud sejak berkurun-kurun dengan hulunya di Pahang melalui Tasik Bera. Tetapi dalam proses 'tawanan sungai' mengikut ilmu geografi, berlaku pemendapan yang banyak menyebabkan Tasik Bera tertimbus. Akibat daripada proses hakisan ini berlakunya 'tawanan sungai' hingga hulu Sungai Muar terputus berhampiran Temerloh, lantas mengalir memasuki Sungai Pahang yang ada sekarang.

Berdasarkan kajian geografi ini adalah dipercayai muara Sungai Muar satu ketika dahulu lebih lebar dan dalam. Sesuai dengan tanggapan penkajian sejarah di Johor bahawa Muar diambil daripada perkataan sanskrit iaitu 'muara'. Ulu Muar yang menjadi salah sebuah Luak Tanah Mengandung ini pula terletak di hulu sungai berkenaan.

2.3 Menghuraikan proses 'tawanan sungai' dalam ilmu geografi, Harun Che Su melalui bukunya 'Geografi Fizikal' (1981) menjelaskan:

*"... Tawanan sungai adalah satu proses di mana berlakunya pertemuan dua batang sungai berbeza, yang mengakibatkan air dari satu sungai itu mengalir masuk ke dalam lurah sungai yang satu lagi. Tawanan sungai boleh terjadi oleh kerana beberapa sebab-sebabnya ialah berlakunya proses unduran sungai, hasil dari hakisan belakang sungai.*

*Akibatnya sungai menjadi panjang ke hulu. Proses pemanjangan sungai ini dimaksudkan dengan unduran sungai. Bila sungai ini dimaksudkan dengan unduran sungai. Bila sungai undur mungkin lama kelamaan ia akan bertemu dengan sebuah sungai yang lain dan masa itu akan terjadilah tawanan sungai .... Sebagai contoh ialah tawanan Sungai Pahang ke atas Sungai Muar di Malaysia Barat ...."*

- 2.4 Dalam 'Sejarah Melayu' juga ada disebutkan Muar sebagai wilayah yang telah wujud sejak abad ke 13. Peristiwa Raja Iskandar melarikan diri dari Singapura selepas kalah perang dengan Majapahit, menyebabkan beliau lari ke Seletar lalu ke Muar. Berdasarkan Raja Iskandar iaitulah Parameswara sudah tentulah kejadian itu berlaku sebelum tahun 1400 masihi.

Tentulah sukar mahu dipercayai mengenai kedatangan sekumpulan orang Hindustan awal abad ke 18 mudik Sungai Muar hingga menimbulkan rasa muak (jemu). Dalam 'Sejarah Melayu' ada disebutkan:

*"... Syahdan, patahlah perang orang Singapura. Maka Raja Iskandar pun berlepas turun dari Seletar lalu ke Muar ..."*

Luak Ulu Muar sendiri sudah wujud semenjak pemerintahan Melaka lagi. Berdasarkan sumber 'Sejarah Melayu' juga amat jelas bahawa wilayah Ulu Muar bukanlah berpunca daripada perkataan 'muak', apabila pendatang-pendatang Hindustan itu berasa jemu memudiki sungai yang belum bernama. Dalam masa kerajaan Melayu wujud di Temasik memang Muar dan sungainya sudah pun bernama.

- 2.5 Ketika menceritakan peristiwa kerajaan Melaka dikalahkan oleh Portugis dalam bulan Qgos 1511, 'Sejarah Melayu' menyebut::

*"... Maka Sultan Ahmad pun undur ke Ulu Muar. Maka baginda diam di Pagoh, dan Sultan Mahmud diam di Batu Hampar. Maka Sultan Ahmad berkota di Bantayan. Maka Feringgi pun diamlah di Melaka. Maka pagar ruyung istana di perbuatnya kota..."*

- 2.6 Haji Buyong Adil dalam 'Sejarah Johor' juga memberi bukti kukuh bahawa Muar sudah wujud sebelum awal abad ke -18

Nama 'Muar' memang berasaskan daripada perkataan asal 'muara' yang bererti 'kuala'. Haji Buyong menulis:

*"... Dalam tahun 1604, dengan usaha seorang pegawai Portugis di Melaka bernama Godinho d' Eredia, orang-orang Portugis telah mendirikan sebuah kota kecil ke Kuala Muar, dan kota itu disebut oleh orang-orang Portugis namanya Fortaleza de Muar..."*

- 2.7 Sumber sejarah bertulis ini tidak boleh dipertikaikan lagi mengenai wujudnya Muar di kuala atau muara sebatang sungai yang lebar serta dalam sebelum abad ke 18. Menjadi kebiasaan pula di zaman lampau sungai adalah jalan perhubungan utama. Apabila mereka mudik dari kuala sungai yang diberi nama Muar, di sebelah hulunya tentulah diberi nama Ulu Muar.

Malah Sultan Ahmad iaitu putera Sultan Mahmud apabila berundur dari Melaka dalam tahun 1511 setelah dikalahkan oleh Portugis terpaksa cari perlindungan di Ulu Muar. Ini bermakna Ulu Muar sudah wujud semenjak kerajaan Melayu di Temasuk dan kerajaan Melayu Melaka menjadi empayar terbesar di rantau ini.

- 2.8 Luak Ulu Muar mencetuskan krisis pertama di Negeri Sembilan pertengahan abad ke 18 dalam proses menegakkan sistem beraja, apabila Penghulu Luaknya Dato' Naam tidak mahu tunduk kepada pemerintahan Raja Melewar. Berdasarkan peristiwa krisis Dato' Penghulu Naam bin Khatib Akhir dengan Raja Melewar ini, jelaslah Seri Menanti termasuk dalam sempadan wilayah Luak Ulu Muar juga.

### 3. KAWASAN SEMPADAN LUAK

- 3.1 Bandar Kuala Pilah sekarang termasuk dalam Luak Ulu Muar. Disebabkan dalam sejarah terawal kerajaan Melayu tidak ada catatan mengenai nama Kuala Pilah atau Seri Menanti, adalah dipercayai Ulu Muar telah wujud sebagai penempatan lebih awal daripada Kuala Pilah atau Seri Menanti. Pangkalan yang digunakan untuk hilir mudik ke Muar terletak di bekalang pejabat daerah sekarang.
- 3.2 Bagaimanapun A. Samad Idris dalam 'Takhta Kerajaan Negeri Sembilan' (1961) menjelaskan Luak Ulu Muar pernah meminta penghulu dari Luak Inas, dengan menegaskan:

*".... Pada masa itu, iaitu kira-kira dalam pertengahan kurun yang kelapan belas (diantara 1740 hingga 1760) di tempat-tempat lain beberapa buah kampung telah terbuka dan ramai orang-orang dari Minangkabau juga telah membuka negeri, maka bermuafakatlah diantara dato'-dato' lembaga ini pergi mendapatkan dato' penghulu Luak Inas meminta seorang daripada anaknya untuk menjadi penghulu. Dato' Penghulu Inas memperkenankan permintaan itu dan menghantar anak perempuannya yang bernama Senduk Emas dan dipanggil juga dengan gelaran Penghulu Berlantai Kulit (pada masa itu keturunan seseorang adalah lebih diutamakan untuk menjadi penghulu atau dato' ...."*

3.3 Dalam pertemuan wakil jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan semua dato'-dato' lembaga Luak Ulu Muar pada 2 Jun 1992, satu persetujuan dicapai, fakta menjemput penghulu dari Luak Inas itu bercanggah dengan fakta tarikh. Kalau anak Penghulu Luak Inas itu dijemput sekitar tahun 1740 - 1760, disamping Naam itu anaknya sudah tentu peristiwa kedatangan Raja Melewar yang menimbulkan krisis istana, Penghulu Naam masih anak-anak lagi.

3.4 Penghulu Naam adalah tokoh pertama menjadi Penghulu Luak Ulu Muar yang wilayahnya meliputi hingga ke sempadan Gunung Pasir di sebelah barat, Terachi di utara, Jempol ditimur dan Johol di selatan. Ketika menentang Raja Melawar sekitar pertengahan kurun ke 18, hanya Luak Ulu Muar bersendirian melakukan penentangan.

Ini bermakna kedatangan Raja Melewar ke Seri Menanti hanya membabitkan wilayah Ulu Muar sahaja. Raja Melewar masuk menyerang ke Seri Menanti apabila diketahuinya utusan istana Pagar Ruyung, Raja Khatib tiba-tiba mengisytiharkan dirinya 'raja' di Seri Menanti.

Kalaulah Seri Menanti tidak termasuk dalam Luak Ulu Muar tentulah mustahil Penghulu Naam sanggup mempertahankan Seri Menanti daripada serangan Raja Melewar. Selepas beliau dijatuhkan hukuman bunuh, tubuhnya telah dikebumikan di Bukit Tabuh dan kepalanya dikebumikan di Bukit Tempurung. Kedua-dua bukit ini juga terletak di Seri Menanti.

- 3.5 Daripada catatan sejarah terawal kerajaan Melayu kita dapat membuat kesimpulan bahawa Luak Ulu Muar dimasa lampau, adalah daerah Kuala Pilah yang ada sekarang. Sempadan kawasannya juga adalah dirujukkan kepada sempadan daerah Kuala Pilah.

#### 4. PENDUDUK ASAL

- 4.1 Pertalian antara penghulu-penghulu luak di Negeri Sembilan menggambarkan mereka daripada satu keturunan sahaja. Jurai keturunan mereka berasal daripada batin Seri Alam. Bermula dari tokoh berkenaanlah wujudnya pemerintahan di Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Johol (hingga sekarang kekal sebagai wilayah UNDANG YANG EMPAT).
- 4.2 Luak Ulu Muar pula mempunyai hubungan akrab dengan Luak Johol dari segi kependudukan mahupun sempadan wilayah. Salasilah keturunan mengikut cerita lisan memang kompleks untuk dianalisis, tetapi daripada beberapa sumber ternyata penduduk asal di Ulu Muar tetap Orang Asli.
- 4.3 Menulis mengenai Johol, orientalis barat Martin Lister membuat penilaian mengenai Ulu Muar:
- ".... Tidak berapa jelas sama ada Dato' Johol sudah memeluk Islam, memandangkan beliau mengirim batin Sakai sebagai penghulu. Suatu ketika selepas ini, satu keluarga peneroka Minangkabau daripada Seri lemak telah datang dari Pahang, setelah mendengar orang-orang senegeri dengan mereka sampai di Ulu Muar. Keluarga orang Minangkabau ini seorang lelaki bersama isterinya, dua orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Anak lelakinya berkahwin dengan anak perempuan penghulu Sakai dari Johol. Mereka mendapat seorang anak lelaki. Anak perempuan penghulu Sakai meninggal dunia semasa anaknya berumur enam tahun, dan anak itu dilantik menjadi penghulu ...."*
- 4.4 Tetapi sekiranya peristiwa persemendaan Khatib Akhir (atau Khatib Akil) dengan Tangkis (atau Senduk Emas) berlaku pertengahan abad ke 18, sudah pasti wilayah berkenaan telah menerima Islam. Dalam 'Papers on Malay Subjects' mendakwa

peneroka-peneroka dari Pasir Besar yang membuka Ulu Muar bernama Moglek Si Ramo (dalam dialek Minangkabau) atau sebutan sebenarnya Megat Seri Rama.

- 4.5 Tujuh orang pendatang Hindustan dari Singapura yang mudik Sungai Muar awal abad ke 18 dipercayai orang-orang Minangkabau diketuai oleh Megat Seri Rama seorang pembesar Johor yang terbabit dalam pembunuhan Sultan Mahmud II (atau Sultan Mahmud Mangkat Dijulang) tahun 1699 Masihi.
- 4.6 Sumber ini menjelaskan Megat Seri Rama tidaklah mati muntah darah setelah membunuh Sultan Mahmud. Peristiwa sumpahan sultan hanya sebagai helah untuk melindungi kejadian sebenarnya. Pemberontakan Megat Seri Rama (dalam cerita lisan dikatakan berasal dari Bentan) dalam tahun 1699 mendapat restu daripada pembesar-pembesar istana termasuk Bendahara Abdul Jalil.
- 4.7 Megat Seri Rama adalah gelaran bagi pembesar Johor yang mengawal perairan (atau ketika di Melaka dikenali sebagai Laksamana). Beliau berketurunan Minangkabau dan menetap di Bentan. Megat Seri Rama menjadi marah apabila Sultan Mahmud membunuh isterinya setelah didapati bersalah memakan seulas nangka untuk dipersembahkan kepada raja. Dalam 'Tuhfatu'n-Nafis' karangan Raja Ali Haji, Riau, menjelaskan:
- "... Maka mesyuaratlah Dato' Bendahara itu dengan saudaranya Temenggung dan Indera Bongsu pada maksud Megat Seri Rama itu, kerana segala orang besar-besar dalam negeri itu, banyak sukakan bendahara menjadi raja, kerana kata mereka: 'Ini baru Megat Seri Rama dibuatnya, akhir-akhirnya kita semuanya diperbuatnya begitu juga'. maka tetaplah kemufakatan itu ...."*
- 4.8 Kedatangan tujuh orang Hindustan dari Singapura itu terdiri daripada Moglek Si Ramo, Dato' Perdana, Dato' Purba, Dato' Bujang dengan isterinya Nenek Gadeh, dan Banun bersama suaminya Sheikh Abdul Rahman, tidak mencerminkan nama orang Hindustan kecuali Sheikh Abdul Rahman seorang sahaja.
- 4.9 Mereka datang pula sama dengan penaklukan Raja Kechil ke atas Johor sekitar tahun 1715 - 1718 Masihi. Raja Kechil dalam keterangan lisan sejarah Siak di Sumatera dikatakan anak Sultan Mahmud Mangkat Dijulang. Sewaktu sultan itu

dibunuh Raja Kechil dalam kandungan ibunya, dan dibawa lari ke Siak, bersama pembesar-pembesar yang setia dengan Sultan Mahmud.

- 4.10 Raja Kechil datang menuntut bela dengan menyerang Johor sekitar tahun 1715-1718 (umur raja itu mungkin sekitar 16 atau 18 tahun sahaja). Dia berjaya menyingkirkan Bendahara Abdul Jalil tahun 1718 dan menggelarkan dirinya Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah.

Ini bermakna Megat Seri Rama juga melarikan diri daripada tindak balas dendam Raja Kechil (yang mendakwa putera Sultan Mahmud Mangkat Dijulang) dengan mudik Sungai Muar ke kawasan pedalaman yang sukar dikesan oleh orang-orang raja. Dia memilih Ulu Muar sebagai tempat bersembunyi dengan menyamar sebagai orang Hindustan.

- 4.11 Dalam 'Papers on Malay Subject' disebutkan mengenai peristiwa di istana Johor itu seperti berikut:-

*"... Sultan Mahmud dikenali dalam sejarah sebagai Marhom Mangkat Dijulang. Beliau adalah keturunan terakhir daripada istana Melaka, dan beliau dibunuh dalam tahun 1699. Dari sinilah Ulu Muar mula dikenali sebagai salah satu negeri Melayu.*


*Dalam versi Ulu Muar disebut: 'Tujuh orang datang dari Hindustan. Nama mereka ialah Mogeek Si Ramo (mengikut dialek Mingangkabau, sebenarnya ialah Megat Seri Rama), Dato' Perdana, Dato' Purba, Nenek Gadeh (Perempuan bersama suaminya Dato' Bujang) dan Banun (Perempuan dan berkahwin dengan Sheikh Abdul Rahman).*

*Megat Seri Rama membuat penempatan pertamanya disebatang anak sungai cabang daripada Sungai Muar itu. Dia menemui padi jenis yang dikenalnya sebagai 'Seri Bumi' dan tempat itu dinamakan Seri Menanti...."*

- 4.12 Keterangan-keterangan ini menunjukkan jelas bahawa keturunan Minangkabau datang ke Negeri Sembilan setelah mereka bertapak terlebih dahulu di Johor. Pemerintahan kerajaan Melayu Johor pula ketika itu meliputi hingga keBengkalis, Siak dan Kampar di Sumatera, di samping Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang di Semenanjung.

Tidaklah menghairankan orang-orang Minangkabau atau sekitar Bengkalis, Siak dan Kampar mencari penempatan di Wilayah yang belum terbuka di beberapa tempat di bawah pemerintahan kerajaan Johor itu, termasuklah juga di Negeri Sembilan.

- 4.13 Salasilah keturunan pembesar-pembesar di Negeri Sembilan berkait rapat dengan ketua-ketua Orang Asli. Dengan ini kependudukan semua wilayah di Negeri Sembilan bermula daripada Orang Asli seperti dijelaskan melalui salasilah ini:



- 4.14 Tidak dapat dielakkan sumber sejarah lisan bercampur aduk dengan mitos, hingga sukar bagi kita mengasingkan kebenaran faktanya. Tetapi Luak Ulu Muar bersumberkan beberapa fakta yang hampir sama mengenai penemuan wilayahnya. Hanya yang berbeza ialah tokohnya serta latar masa urutan peristiwa itu berlaku.
- 4.15 Sekiranya fakta tahun berdasarkan buku 'Takhta Kerajaan Negeri Sembilan' A. Samad Idris diambil kira, fakta tokoh Megat Seri Rama yang disebut oleh 'Paper on Malay Subject' yang datang ke Ulu Muar mempunyai urutan sejarah yang sama. Pembunuhan di istana Johor hanya berlaku tahun 1699, dan Megat Seri Rama dan kaum kerabatnya mudik ke Ulu Muar berikutan dengan serangan Raja Kechil dari Siak tahun 1715 - 1718.
- 4.16 Raja Kechil menyerang Johor juga dengan mendakwa dirinya putera Sultan Mahmud Mangkat Dijulang. Beliau masih dalam




kandungan semasa dibawa ibunya lari ke Siak selepas pemberontakan tersebut. Sudah tentu pula sasaran utamanya untuk membalas dendam ialah kepada sesiapa yang menikam ayahnya Sultan Mahmud itu.

- 4.17 Bagi mengelakkan pertumpahan darah berterusan Megat Seri Rama menyamar sebagai orang Hindustan dan mudik ke Ulu Muar. Sebagai bekas pembesar di istana Johor tentulah beliau banyak mengetahui mengenai perkampungan di pedalaman di Negeri Sembilan sebagai salah satu wilayah Johor. Kalau dalam sejarah lisan menyebut beliau berasal dari Bentan, sesuaiilah tokoh berkenaan berketurunan Minangkabau.
- 4.18 Dalam keturunan Minangkabau tidak ada gelaran atau nama orang Megat. Tetapi tidak bermakna Megat Seri Rama itu nama batang tubuh tokoh berkenaan. Megat Seri Rama ialah gelaran pembesar istana yang mengawal perairan pada masa pemerintahan kerajaan Melayu Johor, sebagai saingan kepada gelaran ketua lanun yang dikenali oleh masyarakat Melayu iaitu 'Megat Alang Di Laut'.
- 4.19 Sifat-sifat pemberontakan pula tidak wujud dalam darah keturunan Melayu Semenanjung yang lebih taat kepada perintah raja. Keberanian Megat Seri Rama memberontak menunjukkan beliau bukan keturunan Melayu di Tanah Semenanjung. Ini bersesuaian dengan pemberontakan Hang Jebat di Melaka, yang dipercayai berketurunan Bentan.
- 4.20 Disebabkan Ulu Muar sebelum kedatangan orang-orang Minangkabau tidak banyak diketahui mengenai sejarahnya, sudah tentulah kependudukannya bermula daripada Orang Asli iaitu termasuk dalam period pertama seperti di sebut oleh Nathan dan Winsted.

## 5. KEDATANGAN MINANGKABAU DAN IMIGRAN LAIN

- 5.1 Penempatan orang Minangkabau di Ulu Muar tidaklah berhijrah dalam satu masa. Mereka datang bergelombang-gelombang mengikut kaum kerabatnya yang sudah membuat penempatan sebelum itu. Pertuturan lisan orang-orang di Ulu Muar yakin bahawa Banun sebagai peneroka terawal di luak ini. Banun adalah diantara tujuh orang peneroka yang datang bersama Moget Si Ramo yang menyusur cabang anak sungai lain terus ke Seri Menanti.

- 5.2 Rakan-rakannya yang lain Dato' Perdana, Dato' Purba dan Nenek Gadih bersama suaminya Dato' Bujang menetap di Pasir Besar. Hanya Banun dan Suaminya Sheikh Abdul Rahman mengambil keputusan menetap di Ulu Muar. Daripada keturunan mereka inilah bermulanya Penghulu Luak Ulu Muar. *Pertemuan dato'-dato' lembaga luak Ulu Muar di teratak Dato' Senara Muda Haji Pilus bin Maaris dengan wakil Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan pada 2 Jun 1992 mengesahkan Penghulu Ulu Muar tidak dijemput daripada anak Penghulu Luak Inas.*
- 5.3 Selepas Banun membuka penempatan inilah sekeluarga Orang Minangkabau dari Pahang berhijrah ke Ulu Muar. Mereka terdiri daripada suami isteri bersama dua orang anak perempuan dan seorang anak lelaki dikenali sebagai Khatib Akhir. Keluarga berkenaan daripada suku Seri Lemak (Pahang). Anak keluarga tersebut Khatib Akhir kemudiannya berkahwin dengan anak perempuan Banun bernama Tengkis.
- 5.4 Perkahwinan antara Tengkis dengan Khatib Akhir ini mendapat seorang anak bernama Naam yang kemudiannya menjadi Penghulu Luak pertama. Bagaimanapun ketika Naam berumur enam tahun, emaknya Tengkis meninggal dunia. Salasilah keturunan tersebut seperti berikut:



- 5.5 Kedatangan orang-orang Minangkabau memang diketuai oleh dato'-dato' lembaganya dari beberapa wilayah, yang kemudiannya ditetapkan sebagai 'suku' dalam peraturan mereka di sini. Antara gelombang pertama kedatangan orang-orang Minangkabau ini sekitar abad ke 18 ialah Dato' Raja Lembaga suku Batu Hampar, Sutan Semanik dan Sutan Johan Kebesaran lembaga suku Tanah Datar dan Dato' Puteh lembaga suku Seri Lemak Minangkabau.

- 5.6 Setiap dato' lembaga yang datang itu mengetuai suku masing-masing mencari tempat yang baik dijadikan kampung dan sawah ladang. Dato' Puteh membawa suku Seri Lemak Minangkabau membuat penempatan di Kuala Gamin. Sementara Sutan Semanik meneroka di Air Merbau Anjing Beranak, berpisah dengan saudaranya Sutan Johan Kebesaran yang kekal menetap di Tanjung Alam (Gunung Pasir.)
- 5.7 Selepas mereka membuat penempatan semakin ramailah orang Minangkabau berhijrah. Mereka juga semenda menyemenda antara satu sama lain. Semakin ramai penduduknya, mereka menetapkan dato'-dato' lembaga dan buapak memerintah suku masing-masing. Hinggalah mereka bekembang di seluruh Luak Ulu Muar.
- 5.8 Berdasarkan kedatangan orang-orang Minangkabau ke Luak Ulu Muar hanya sekitar awal abad ke 18 tentulah kedudukannya terkemudian dibandingkan dengan Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Johol yang menyandang UNDANG YANG EMPAT. Hubungan Tanah Melayu dengan Minangkabau tidaklah tertumpu di Negeri Sembilan sahaja tetapi merata hingga ke Perak, Selangor, Pahang dan Johor.
- 5.9 Oleh itu kedatangan orang-orang Minangkabau ini membuat penempatan di wilayah Negeri Sembilan bukanlah golongan imigran atau pengembara. Hubungan antara kerajaan Melayu Melaka dengan wilayah-wilayah di Sumatera adalah sebahagian daripada empayar kesultanan Melaka. Apabila kesultanan Melaka berpindah ke Johor wilayah-wilayah ini juga menjadi sebahagian daripada Johor pula dengan kerajaannya terkenal sebagai kerajaan Melayu Johor - Riau.
- 5.10 Selepas kalah perang tahun 1511 Sultan Mahmud juga berundur ke Kampar di Sumatera iaitu salah sebuah negeri di bawah wilayah kerajaan Melayu Melaka. Dalam penjajahan Portugis mereka hanya menawan Melaka sahaja, bukan semua wilayah di bawah kesultanan Melaka. Oleh itu kedatangan orang-orang Minangkabau ke wilayah pemerintahan Kerajaan Melayu Johor-Riau yang meliputi Negeri Sembilan adalah perpindahan di dalam negeri sendiri sahaja.
- 5.11 Penaklukan Melaka ke atas wilayah-wilayah Minangkabau ada disebutkan dalam 'Sejarah Melayu' iaitu:

*"... Arakian, maka Sultan Mansur Syah hendak menyuruh menyerang Siak, kerana Siak itu dahulunya negeri besar Maharaja Permaisura nama rajanya, asalnya daripada raja Pagar Ruyung, tiada menyembah ke Melaka, sebab itulah maka baginda suruh serang pada Seri Udani...."*

- 5.12 Sebelum itu disebutkan juga perihal kerajaan Melayu Melaka menawan Kampar di Sumatera sebagai wilayahnya seperti dinyatakan:

*"... Kata sahibul hikayat maka tersebutlah perkataan Kampar, Maharaja Jaya nama rajanya, Pekan Tua nama negerinya, asalnya daripada raja Minangkabau, tidak ia menyembah ke Melaka. Maka Sultan Mansur Syah pun menitahkan Seri Nara Diraja menyerang Kampar. Maka Seri Nara Diraja pun berlengkap ...."*

- 5.13 Dalam perluasan wilayah empayar Melaka inilah kebanyakan negeri-negeri di Minangkabau termasuk di bawah pemerintah Melaka. Dengan ini apabila mereka berhijrah ke Semenanjung bermakna mereka datang ke negara dalam satu kerajaan. Kerajaan Melayu Johor-Riau selepas Melaka dikalahkan oleh Portugis juga berpusat di Kampar sehingga tahun 1528 Masihi apabila Sultan Mahmud mendirikan kerajaan di Pekan Tua.
- 5.14 Analisis ini membuktikan bahawa orang-orang Minangkabau yang berhijrah ke Negeri Sembilan atau Luak Ulu Muar bukanlah kaum imigran. Mereka meneroka perkampungan baru dalam wilayah yang mempunyai pemerintah sama iaitu kesultanan Johor, dan disebutkan dalam perbilangannya:

**Beraja ke Johor  
Bertali ke Siak  
Bertuan ke Minangkabau.**

## 6. PENTADBIRAN LUAK

- 6.1 Sistem pentadbiran adat Luak Ulu Muar berbeza sedikit daripada luak-luak lain. Penghulu Luak Ulu Muar adalah pemerintah tertinggi sebagai 'imam' kepada penghulu-penghulu luak lain di Tanah Mengandung. Beliau mempunyai ikatan kekeluargaan dengan istana.

- 6.2 Penghulu Luak Ulu Muar memiliki dua buah cop mohor. Cop mohor pertama dikurniakan oleh Sultan Johor, Sultan Abdul Jalil II (mengikuti fakta sejarah sultan, sultan berkenaan 1571 - 1597 dan bersemayam di Tanah Putih). Gelaran cop mohor tersebut sebagai memperakui pemerintah Luak Ulu Muar ialah **BENDAHARA SETIA MAHARAJA**
- 6.3 Cop mohor kedua dikurniakan oleh Yamtuan Antah, Seri Menanti membawa gelaran: **SETIA MAHARAJA LELA PAHLAWAN** selaku 'pengetua istana besar Seri Menanti' atau di dalam bahasa Inggerisnya 'The Great Lord Chamberlain'. Kedudukan Penghulu Luak Ulu Muar dalam pentadbiran sistem beraja di Negeri Sembilan mempunyai dua fungsi iaitu:
1. Selaku pemerintah Luak Ulu Muar, dan
  2. Selaku pengetua istana besar Seri Menanti.
- 6.4 Kurnia cop mohor pada semua Penghulu Luak di Negeri Sembilan dengan nama Sultan Abdul Jalil pemerintah Johor memang menimbulkan banyak tanda tanya. Setelah dibuat beberapa penyelidikan andaian yang dapat diperkuatkan ialah perbilangan: Beraja ke Johor, Bertali ke Siak, Bertuan ke Minangkabau.
- 6.5 Semua sultan-sultan Siak bergelar Sultan Abdul Jalil sejak Raja Kechil di halau oleh Sultan Sulaiman bersama Daeng Merewak, lima bersaudara di Johor. Kemungkinan Raja Kechil terus menyebarkan pengaruhnya ke atas Negeri Sembilan dengan menetapkan: Bertali ke Siak. Kalau mengikuti geografi aman janggal perjalanan antara Pagarrayung ke Siak yang membolehkan anak-anak raja Minangkabau ke Siak terlebih dahulu sebelum menyeberang ke Negeri Sembilan.
- 6.6 Berdasarkan semua penghulu-penghulu luak di Negeri Sembilan mendapat cop mohor Sultan Abdul Jalil dari Johor, ternyata fakta tarikhnya tidak tepat. Misalnya Luak Muar menerima cop mohor Sultan Abdul Jalil II yang memerintah tahun 1571 - 1597 Masihi, bercanggah dengan kedatangan orang-orang Minangkabau ke Ulu Muar dua abad kemudiannya iaitu awal kurun ke 18
- 6.7 Kemungkinan Sultan Abdul Jalil II iaitu Sultan Siak bersesuaian dengan faktanya kerana tarikh pemerintahannya 1746 - 1865 Masihi. Senarai sultan-sultan Siak ialah:

1. Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah  
(Raja Kecil digelar Marhum Buntan) (1725 - 1746)
2. Sultan Abdul Jalil Muzaffar Syah  
(Marhum Mempura Besar) (1746 - 1765).
3. Sultan Abdul Jalil Jalaluddin Syah  
(Tengku Ismail, Marhum Mangkat Di Balai) (1765 - 1766)
4. Sultan Abdul Jalil Alamuddin Syah  
(Tengku Alam, Marhum Bukit) (1766 - 1780)
5. Sultan Muhammad Ali Abdul Jalil Muzaffar Syah  
(Marhum Pekan) (1780 - 1782)
6. Sultan Yahya Abdul Jalil Muzaffar Syah (Marhum Mangkat  
di Dungun) (1782 - 1784)
7. Sultan Assyaidis Syarif Ali Abdul Jalil Syaifuddin Baalawi  
(Marhum Kota Tinggi) (1784 - 1810)
8. Sultan Assyaidis Syarif Ibrahim Abdul Jalil Khailuddin  
(Marhum Mempura Kecil) (1810 - 1815)
9. Sultan Assyaidis Ismail Abdul Jalil Jalaluddin  
(Tengku Syed Ismail, Marhum Indrapura) (1815 - 1854)
10. Sultan Assyaidis Syarif Kasim Abdul Jalil Syaifuddin  
(Syarif Kassim 1, Marhum Mahkota) (1854 - 1889)
11. Sultan Assyaidis Syarif Hashim Abdul Jalil Syaifuddin  
(Marhum Baginda) (1889 - 1908)
12. Sultan Assyaidis Syarif Kasim Abdul Jalil Syaifuddin  
(Syarif Kasim II, Tenku Sulong) (1908 - November, 1945)

6.8 Penjelasan ini boleh dianggap sebagai pendedahan kepada misteri semua cop mohor Penghulu-penghulu Luak di Negeri Sembilan daripada Sultan Abdul Jalil (Johor), sekalipun hakikat sebenarnya dari segi fakta sejarah tidak menepati tarikh Sultan Johor yang menalki takhta. Fakta ini juga selaras dengan perbilangan: *Beraja ke Johor, Bertali ke Siak, Bertuan ke Minangkabau.*

*Maknanya:* Johor sebagai penaung, cop mohor pengiktirafan dikurniakan oleh Siak, dan pemerintah di jemput dari Minangkabau.

## 7. PESAKA PENGHULU LUAK

- 7.1 Susur galur keturunan Penghulu Luak Ulu Muar mempunyai kaitan dengan takhta kerajaan Negeri Sembilan. Ikatan tali persaudaraan antara Penghulu Luak Ulu Muar dengan kerabat diraja Seri Menanti sudah bermula sejak Raja Melewar berkahwin dengan Sani anak perempuan Penghulu Naam, Penghulu Luak yang pertama.
- 7.2 Hubungan kekeluargaan itu kekal hingga sekarang. Tengku Aishah yang berkahwin dengan Yamtuan Hitam misalnya adalah cucu Pengulu Naam Tengku Tenok. Kemudiannya Yamtuan Antah (1872 - 1888) pula berkahwin dengan Cik Puan Halimah juga berketurunan Dato' Muar. Hubungan tersebut dijelaskan dalam perbilangannya:

**Darah setitik dari keadilan  
Tanah sekepal dari air kaki.**

- 7.3 Gelaran penyandang pesaka Penghulu Luak Ulu Muar ialah Dato' Bendahara Setia Maharaja, Setia Lela Pahlawan. Pesaka ini diwarisi oleh suku Biduanda yang menguatkan anggapan bahawa emaknya adalah daripada waris Biduanda berketurunan Orang Asli. Bertepatan pula mengenai Tengkis (atau Senduk Emas) di datangkan dari Luak Inas, dan bukan orang Minangkabau yang datang dari Singapura.
- 7.4 Proses perlantikan Penghulu Luak Ulu Muar berlaku apabila Dato' Penghulu meninggal dunia atau meletakkan jawatan.

(A) Meninggal dunia: Pesaka akan digantikan oleh Dato' Perdana, dengan pesaka Dato' Perdana pula diambil alih oleh Dato' Purba. Dengan ini pesaka yang kosong perlu dibuat lantikan baru ialah Dato' Purba. Gelaran Dato' Perdana dan Dato' Purba ini jelas diambil sempena dengan tokoh yang datang bersama Mogek Si Ramo mudik Sungai Ulu Muar itu.

Kekosongan pesaka Dato' Purba itu digantikan oleh perut daripada waris Dato' Penghulu yang meninggal. Sekiranya Dato' Perdana atau Dato' Purba pula yang meninggal dunia, penggantinya diambil daripada perut masing-masing bagi menjamin proses pemilihan Dato' Penghulu tidak terganggu mengikut aturan dan giliran masing-masing.

(B) Meletakkan Jawatan: Proses perlantikan apabila berlakunya perletakan jawatan (pesaka) tidak banyak mengubah aturan giliran. Kedudukan Dato' Perdana dan Dato' Purba tidak berubah. Pengganti Dato' Penghulu mestilah daripada perut yang terdekat dengan penghulu berkenaan.

Lima orang penghulu terawal menyandang pesaka tidak diketahui daripada perut mana. Tetapi selepas penghulu keenam ditetapkan tiga perut berhak secara bergilir-gilir menjadi Penghulu Luak Ulu Muar, Dato' Perdana dan Dato' Purba. Perut berkenaan terdiri daripada:


1. Perut Pasir Panjang
2. Perut Gemetir
3. Perut Kayu Ara

Nama Penyandang pesaka Dato' Perdana dan Dato' Purba ternyata sempena nama dua tokoh yang datang dari Singapura bersama Mogek Si Ramo. Manakala perut Pasir Panjang pula sempena dari perkampungan yang diteroka oleh Mogek Si Ramo (Megat Seri Rama) dan di kampung itulah juga tokoh berkenaan meninggal dunia.

- 7.5 Di samping Dato' Perdana dan Dato' Purba, seorang lagi tokoh daripada suku Seri Lemak Pahang bergelar DATO' BAGINDA MAHARAJA' merangkap 'HALUAN SEMBAH', kepada Penghulu Luak. Pesaka ini bermula daripada Khatib Akhir atau nama sebenarnya Haji Salleh iaitu ayah kepada Penghulu Naam.
- 7.6 Ketika menjadi penghulu, Dato' Naam hanya berumur enam tahun. Dalam tempoh inilah ayahnya Khatib Akhir (Haji Salleh) membantu Penghulu Luak dalam pengurusan adat istiadat. Apabila Penghulu Naam telah dewasa dia telah menganugerahkan gelaran pesaka DATO' BAGINDA MAHARAJA sebagai seorang Orang Besar Luak bertaraf Lembaga. Semasa istiadat mengadap di istana Seri Menanti Dato' Baginda Maharaja mendahului Dato'-dato' Lembaga di Tanah Mengandung mengadap sebagai serampu Lembaga.



Struktur pentadbiran adat di Luak Ulu Muar seperti berikut:



- 7.7 Apabila sistem elaun diadakan oleh pemerintah Inggeris Penghulu Luak Ulu Muar menerima elaun sama banyak dengan Undang Luak Johol yang di sebut 'mas manah' iaitu \$14.00. Bagaimanapun selepas kedudukan UNDANG YANG EMPAT dinaikkan, elaun Penghulu Luak Ulu Muar ditetapkan hanya lebih tinggi daripada lain-lain penghulu di Luak Tanah Mengandung.
- 7.8 Penghulu Luak Ulu Muar juga mempunyai kuasa mutlak di luaknya. Sekiranya Yamtuan mahukan kerja adat dibuat, penghulu memastikan semua dato' lembaga mempersetujuinya. Sekiranya terdapat dato' lembaga yang enggan, penghulu berhak menghukum atas sebab-sebab melanggar titah Yamtuan. Tugas-tugas lain mengenai Penghulu Luak ada tercatat dalam warta kerajaan Negeri Sembilan tahun 1989. Mereka yang pernah menyandang pesaka Penghulu Luak Ulu Muar ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' BENDAHARA SETIA MAHARAJA SETIA LELA PAHLAWAN			
Perut		Pasir Panjang	Gementir	Kayu Ara
Penyandang secara kronologi	1. Naam 2. Mindek 3. Mopeng 4. Anjong 5. Jaalam (Tidak diketahui perutnya)	6. Talun  9. Hashim	7. Abdul Malik (Dato' Bangkok)  10. Jeilani	8. Sidin (Zainal Abidin)  11. Muhamad 12. Abu Zarin b. Sulaiman

- 7.9 Perlantikan Dato' Abu Zarin bin Sulaiman pada 31hb. Mac, 1984 berturut-turut daripada perut Kayu Ara disebabkan Dato' Muhammad meletakkan jawatan. Pemilihan ini dibuat

berdasarkan 'patah tumbuh' yakni di mana patah disitulah tumbuhnya. Bermula dari Dato' Penghulu Naam hingga kepada Dato' Jaalam tidak pula diketahui perut mereka.

- 7.10 Beberapa kali pergolakan berlaku diantara Penghulu Luak Ulu Muar dengan istana semenjak tragedi Dato' Penghulu Naam bin Khatib Akhir Haji Saleh. Bagaimanapun pergolakan ini tidak membabitkan luak-luak yang lain di Tanah Mengandung. Dato'-dato' Lembaga di Luak Ulu Muar telah mengambil inisiatif menyelesaikannya mengikut peraturan: Ibarat memukul ular, kayu jangan patah, tanah jangan lembang, ularnya biarlah mati!

## 8. PERISTIWA PENGHULU NAAM


- 8.1 Panglima Bandan dan Panglima Bandot diutuskan ke Pagarruyung untuk menjemput anak raja Minangkabau menaiki takhta di Seri Menanti. Istana Pagarruyung bersetuju ,menghantar puteranya Raja Mahmud bagi memenuhi permintaan penduduk-penduduk di Seri Menanti.

Dalam catatan lisan penduduk-penduduk Ulu Muar pula utusan yang dihantar ke istana Pagarruyung itu diketuai oleh Dato' Panglima Sutan Karu. (Gelaran Dato' Panglima Sutan masih kekal hingga sekarang kepada *Pegawai Yang Enam Istana*).

- 8.2 Sebelum Raja Mahmud dirajakan, istana Pagarruyung mengarahkan Raja Khatib datang ke Seri Menanti membuat persiapan. Ketika bertemu Penghulu Naam sebaik sahaja sampai di Seri Menanti, Raja Khatib mengisytiharkan dirinya sebagai anak raja Minangkabau yang dijemput. Beliau berkahwin dengan anak Penghulu Naam dan mendakwa sebagai raja di Seri Menanti.

- 8.3 Penghulu Naam berkahwin dengan perempuan daripada suku Batu Hampar di Sungai Layang. Beliau mendapat lima orang anak, tiga daripadanya perempuan dan dua orang lelaki. Tidak pula diketahui anaknya yang mana berkahwin dengan Raja Khatib itu. Sewaktu menjadi penghulu beliau masih kecil lagi, dan menjadi anak yang kehilangan ibu ketika berumur enam tahun.

Zuriat Penghulu Naam mengikut salasilahnya seperti berikut:



- 8.4 Apabila Raja Melewar, atau Raja Mahmud sampai di Penajis, Rembau timbul kekeliruan mengenai raja sebenar yang akan menaiki takhta. Penghulu Naam terus mempertahankan Raja Khatib, hingga berlaku peperangan. Serangan pertama Raja Melewar dapat dialahkan oleh Penghulu Naam menyebabkan Raja Melewar berundur ke Sepri.
- 8.5 Setelah mendapat sokongan daripada Sungai Ujong, Raja Melewar berjaya mengalahkan Seri Menanti. Raja Khatib melarikan diri selepas kekalahan itu. Penghulu Naam yang tegas dengan pendiriannya enggan mengakui Raja Melewar

seorang raja. Beliau dijatuhkan hukum pancung sampai mati dengan Panglima Sutan Karu atau Panglima Hitam ditugaskan memancung.

- 8.6 Setelah dipancung oleh Panglima Sutan Karu pada senjanya, keesokan harinya Penghulu Naam hidup semula dengan leher yang terpenggal bercantum. Terpaksalah Panglima Sutan Karu memancung kepala Penghulu Naam lagi, dan terus dikebumikan. Tetapi Penghulu Naam balik semula ke rumah setelah dikebumikan.
- 8.7 Bagi mematuhi perintah raja, Panglima/Sutan Karu meminta kerjasama Penghulu Naam sendiri. Disebabkan sempati dengan tugas yang dijalankan oleh Panglima Sutan Karu membukakan rahsianya supaya kepala dan badan dikebumikan berasingan dengan dipisahkan oleh anak air sebaik sahaja dipenggal.
- 8.8 Berpandukan wasiat Penghulu Naam maka setelah dipancung, panglima Sutan Karu mengkebumikan kepala di sebuah bukit dikenali dengan nama Bukit Tempurung sekarang, badannya dikebumikan di Bukit Tabuh. Kedua-dua bukit berkenaan di pisahkan oleh sebatang anak sungai. Selama empat puluh empat malam penduduk di sekitar Kampung Sungai Layang dan Kampung Umur mendengar laungan kepala Penghulu Naam mengajak tubuhnya bercantum semula.

## 9. KEBERANIAN DATO' BONGKOK ABDUL MALIK

- 9.1 Krisis takhta di istana Seri Menanti memuncak selepas mangkatnya Yamtuan Lenggang, tahun 1824. Sebelum itu sudah berlaku krisis kecil disebabkan hanya raja dijemput sahaja menaiki takhta. Peristiwa Yamtuan Hitam menaiki takhta menimbulkan rasa tidak puas hati juga kepada Tengku Totok Putera Raja Melewar.
- 9.2 Apabila mangkat Yamtuan Hitam tahun 1808, puteranya Tengku Alang Husin juga tidak puas hati dengan perlantikan Yamtuan Lenggang iparnya menaiki takhta. Masalah raja dijemput kian meruncing sebaik sahaja Yamtuan Lenggang mangkat pada tahun 1824. Ketika ini istana Pagarruyung juga sudah dijajah oleh Belanda mengikut perjanjian Anglo-Dutch 1824 itu.

- 9.3 Penghulu-penghulu Luak sudah bersetuju supaya tidak menjemput lagi raja dari istana Pagarruyung. Dengan itu Raja Radin Putera Yamtuan Lenggang dilantik menaiki takhta. Pemilihan Yamtuan Radin ini menimbulkan perebutan di kalangan anak-anak raja di Seri Menanti. Bagi meredakan krisis tahun 1826 Dato' Kelana Putera, Undang Luak Sungai Ujong Dato' Bahi telah menjemput Raja Laboh dari Sumatera untuk menaiki takhta dikenali sebagai Yamtuan Sati.
- 9.4 Penghulu Luak Ulu Muar, Dato' Bongkok Abdul Malik membantah sikap Dato' Bahi yang keterlaluan. Beliau bukan sahaja tidak bersetuju wujudnya raja dijemput lagi, malah tidak rela Yamtuan Sati menaiki takhta di Seri Menanti. Peperangan berlaku antara orang-orang Dato' Bongkok Abdul Malik dengan Dato' Kelana Putera.
- 9.5 Dalam tahun 1830 Dato' Bongkok Abdul Malik berjaya mengusir Yamtuan Sati balik ke Sumatera. Kebetulan tahun tersebut juga Dato' Bahi meninggal dunia, dan pesaka Dato' Kelana Putera, Undang Luak Sungai Ujong disandang oleh Dato' Kawal. Dengan pergolakan tersebut kekallah Yamtuan Radin di atas takhta kerajaan.

## 10. BAKAL PENYANDANG PESAKA

- 10.1 Telah ditetapkan pesaka Dato' Perdana bakal menggantikan Penghulu Luak Ulu Muar. Di samping itu pesaka Dato' Purba ditetapkan mengganti pesaka Dato' Perdana apabila tokoh berkenaan mengisi pesaka Dato' Penghulu setelah berlaku kematian. Mereka tidak berhak mengambil alih pesaka Dato' Penghulu sekiranya beliau meletakkan jawatan (pesaka)
- 10.2 Dato' Perdana dan Dato' Purba dilantik mengikut giliran perut sama dengan Dato' Penghulu Luak juga. Urutan sejarahnya Dato' Perdana dan Dato' Purba ialah tokoh yang sama-sama datang dengan Mogek Si Ramo mudik Sungai Muar dan menyamar sebagai pendarang Hindustan dari Singapura. Mereka yang pernah dilantik menyandang pesaka Dato' Perdana ini terdiri daripada:

Gelaran Pesaka	DATO' PERDANA			
Perut		Pasir Panjang	Gemetir	Kayu Ara
Penyanggah secara kronologi	1. Isang (tidak diketahui perutnya)	4. Amin 5. Ali 6. Aba 7. Laboh 8. Hashim  14. Hashim 15. Sulalman b. Sutan	2. Rejab    9. Ujang 10. Nain 11. Bakar 12. Jeilani	3. Bodot       13. Muhammad

- 10.3 Barulah beliau dapat menyanggah pesaka Dato' Penghulu Luak. Begitu juga perut Gemetir sejak Dato' Ujang penyanggah kesembilan hingga kepada Dato' Jeilani yang kedua belas barulah pesaka Dato' Perdana dapat menggantikan Penghulu Luak.
- 10.4 Keadaan ini disebabkan berlakunya kematian Dato' Perdana dalam tempoh Dato' Penghulu Luak masih menyanggah pesaka. Kes seperti ini Dato' Purba tidak boleh menggantikan Dato' Perdana. Oleh itu kekosongan pesaka Dato' Perdana mestilah diisi oleh perut yang sama dengan Dato' Perdana yang meninggal dunia itu.
- 10.5 Dato' Purba hanya ditetapkan menggantikan Dato' Perdana apabila Penghulu Luak meninggal dunia. Kes seperti ini menyebabkan kekosongan pesaka Dato' Perdana disebabkan beliau secara automatik dilantik menyanggah Dato' Penghulu Luak. Kekosongan seperti inilah dibolehkan Dato' Purba mengisi pesaka Dato' Perdana supaya tidak berlaku satu perut menyanggah dua pesaka dalam tempoh satu masa.

Mereka yang pernah menyandang pesaka Dato' Purba ini ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' PURBA			
Perut		Pasir Panjang	Gemetir	Kayu Ara
Penyandang secara kronologi	1. Labi 2. Eta 3. Botal (Tidak diketahui perutnya)	5. Amin         10. Hashim	6. Latip 7. Ujang       11. Nor Azin Al Ain	4. Bodot       8. Meon 9. Muhammad

## 11. PEMANGKU PENGHULU LUAK

- 11.1 Sejarah Penghulu Luak yang pertama Dato' Naam dilantik menyandang pesaka beliau masih kecil berumur enam tahun. Bagi menjalankan tanggungjawab penghulu yang diwarisi daripada emaknya Tengkis, maka ayahnya Khatib Akhir atau Haji Salleh dipersetujui oleh Dato'-dato' Lembaga menjadi pembantu kepada Penghulu Luak. Kemudian Khatib Akhir diberi gelaran pesaka "Haluan Sembah dan Serampu Lembaga"
- 11.2 Disebabkan Khatib Akhir daripada suku Seri Lemak Pahang, maka pesaka tersebut diwariskan kepada suku berkenaan dengan digilirkan kepada enam perut iaitu perut Merual, perut Kampung Parit/Terachi, perut Kampung Tengah, perut Pilah, perut Kampung Seberang Muar dan Pelangai.



11.3 Sekalipun Dato' Baginda Maharaja bukanlah lembaga suku Seri Lemak Pahang, tetapi kedudukannya diberi keistimewaan bertaraf lembaga di samping mempunyai buapak sendiri pada tiap-tiap perut. Gelaran buapak dibawah Dato' Baginda Maharaja ini ialah:

1. To' Maharaja Kanda - Perut Merual
2. To' Paduka Maharaja - Perut Kampung Parit/Terachi
3. To' Amar Pahlawan - Perut Kampung Tengah
4. To' Paduka Seri Maharaja - Perut Pilah
5. To' Paduka Seraja - Perut Seberang Muar
6. To' Paduka Serama - Perut Pelangai.

11.4 Keistimewaan yang diberikan kepada Dato' Baginda Maharaja itu selaras dengan sejarahnya sebagai ayah kepada Dato' Penghulu Luak. Mereka yang pernah menyandang pesaka tersebut ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' BAGINDA MAHARAJA					
Pecahan Carak	Carak Pertama		Carak Kedua		Carak Ketiga	
Perut	Merual	Kampung Parit/Terachi	Kampung Tengah	Pilah	Kampung Seberang Muar	Pelangai
Penyandang secara kronologi	1. Khatib Akhir (Haji Saleh)		2. Tanggi		3. Botak 4. Sambang	
	5. Hassan		6. Amin			
	8. Naat	7. Dinar				
		9. Kahar				
	11. Sahud				10. Jaalam	
		12. Abdullah b. Hussin			13. Mohd. Zain b. Ujud	

- 11.5 Dato' Abdullah bin Hussin mula menyandang pesaka pada 14 Mac, 1971 sebagai Dato' Baginda Maharaja yang kedua belas. Di samping enam buapak di bawahnya, terdapat sembilan orang lagi pembesarnya sebagai 'Besar Waris' atau Pegawai Sembilan Puluh Sembilan. Mereka terdiri daripada tiga bagi perut Merual, satu bagi perut Kampung Parit/Terachi, perut Kampung Tengah dan Perut Kampung Seberang Muar, sementara dua lagi perut Pilah dan perut Pelangai.

Gelaran bagi Besar Waris (Pegawai 99) ini ialah:

- |                                |                       |
|--------------------------------|-----------------------|
| 1. Perut Merual                | i) To' Mangku         |
|                                | ii) To' Satay         |
|                                | iii) To' Jonso        |
| 2. Perut Kampung Parit/Terachi | i) To' Niko           |
| 3. Perut Kampung Tengah        | i) To' Menteri Hakim  |
| 4. Perut Pilah                 | i) To' Gompo          |
|                                | ii) To' Alang         |
| 5. Perut Kampung Seberang Muar | i) To' Memperang      |
| 6. Perut Pelangai              | i) To' Raja Pahlawan  |
|                                | ii) To' Hakim Menteri |
- 11.6 Dalam istiadat kerjan Penghulu Luak, Dato' Baginda Maharaja akan berjalan di hadapan sekali menuju ke tempat duduk kebesaran yang disediakan untuk Dato' Penghulu Luak. Di belakangnya akan diikuti oleh Dato' Penghulu Luak, ibu dan isterinya. Kemudian barulah Dato' Perdana dan Dato' Purba. Semasa memulakan upacara beliau akan memanggil dato'-dato' lembaga mengadap dengan menuturkan:

Matahari sudah celik  
 Bulan sudah terang  
 Bintang sudah bercahaya  
 Jangan beralih, jangan berubah  
 Jikalau berubah padi sambang  
 Beranak tidak berpaha (cacat)  
 Ditimpa nika dengan pesaka.

- 11.7 Kemudian dato'-dato' lembaga akan menyahut: Sabda dijunjung. Aturan istiadat ini dicatatkan oleh Nathan dan Winstedt dalam perlantikan Dato' Penghulu Luak Ulu Muar tahun 1910.

## 12. BIDUANDA WARIS

- 12.1 Suku Biduanda Waris ialah suku Dato' .Penghulu Luak sendiri. Dato' Perdana dan Dato' Purba adalah termasuk dalam suku Biduanda Waris ini. Orang Besar Luak daripada suku Biduanda Waris ini bergelar Dato' Syahbandar. Bagaimanapun kedudukannya tidaklah bertaraf lembaga.
- 12.2 Sekalipun Dato' Syahbandar bukanlah lembaga, tetapi beliau mempunyai buapaknya sendiri dan diletakkan di bawah pentadbiran Dato' Perdana. Pada mulanya Biduanda Waris ini hanya diwakili oleh perut Pasir Panjang sahaja. Berikutan dengan pergolakan tahun 1870-an persetujuan diambil bagi mewujudkan satu lagi perut iaitu Kayu Ara.
- 12.3 Buapak perut Pasir Panjang bergelar To' Raja Indera, manakala buapak perut Kayu Ara pula To' Jong Kaya. Kedudukan mereka yang pernah menyandang pesaka Dato' Syahbandar ini seperti berikut:

Gelaran Pesaka	DATO' SYAHBANDAR	
Perut	Pasir Panjang	Kayu Ara
Penyandang secara kronologi	1. Bodoi 2. Echot 3. Simat  5. Osman 6. Shamsuddin 7. Mohd. Shah Bin Haji Idris	4. Pais

- 12.4 Dato' Syahbadar sekarang mula menyandang pesaka dalam bulan Disember, 1985 iaitu Mohd Shah bin Haji Idris daripada perut Pasir Panjang. Selepas Dato' Pais penyandang pesaka

yang keempat daripada perut Kayu Ara, tidak ada lagi tokoh perut berkenaan menyandang pesaka. Mereka hanya dibolehkan menjadi buapak sahaja.

- 12.5 Sekitar tahun 1870-an berlaku rasa tidak puas hati di kalangan anak-anak buah apabila Dato' Syahbandar yang ketiga Dato' Simat mati dibunuh. Pembunuhan ini menimbulkan ketegangan, yang memaksa mereka mewujudkan perut Kayu Ara bagi membolehkan seorang Dato' Syahbandar dilantik bagi meredakan keadaan.
- 12.6 Dato' Pais dilantik menjadi Dato' Syahbandar daripada perut Kayu Ara yang diwujudkan itu. Bagaimanapun selepas Dato' Pais meninggal dunia, Penghulu Luak Ulu Muar menetapkan hanya perut Pasir Panjang sahaja berhak menyandang pesaka Dato' Syahbandar. Di samping itu perut Kayu Ara dibolehkan melantik 'tua' mereka bertaraf buapak sahaja iaitu To' Jong Kaya.

### 13. LEMBAGA DAN BUAPAK

- 13.1 Terdapat dua belas suku dalam Luak Ulu Muar. Bagaimanapun jumlah lembaganya ialah lapan belas orang yakni melebihi daripada jumlah sukunya. Keadaan ini disebabkan wujudnya 'Lembaga tambahan' bagi melicinkan pentadbiran adat di kalangan kependudukan anak-anak buah yang bertambah ramai.
- 13.2 Lembaga-lembaga yang dibantu oleh buapak masing-masing menjadi penasihat utama kepada Dato' Penghulu Luak melaksanakan peraturan adat. Struktur pentadbiran adatnya sama seperti dijalankan di Minangkabau. Kalau di Minangkabau 'Raja Nan Tigo Selo' dibantu oleh 'Basa Ampek Balai' maka di Luak Ulu Muar penghulunya diperkuatkan oleh 'Lembaga Yang Empat' sebagai 'Tiang Balai'.
- 13.3 Kedudukan 'Lembaga Yang Empat' Lebih kanan daripada dato' lembaga yang lain. Bagaimanapun mereka tidak mempunyai hak ke atas suku yang lain, kecuali berkuasa di dalam sukunya sahaja. Struktur pentadbiran dalam adat perpatih ialah suku diketuai oleh lembaga, manakala tiap-tiap suku pula mempunyai beberapa perut. Buapak adalah mengetuai tiap-tiap perut yang terlingkung dalam suku berkenaan.

- 13.4 Susunan dalam peraturan adat perpatih ini dijelaskan melalui perbilangannya yang popular, iaitu:

*Alam beraja  
Luak berpenghulu  
Suku berlembaga  
Anak buah berbuapak.*

- 13.5 Dua belas suku yang terlingkung di Luak Ulu Muar itu, sebelas daripadanya adalah keturunan Minangkabau yang menjadi peneroka. Satu sahaja anak tempatan iaitu suku Biduanda (meliputi Biduanda Waris, Biduanda Sungai Ujong, dan Biduanda Jawa). Suku yang terdapat dalam lingkungan Luak Ulu Muar ini ialah:

1. Tanah Datar
  2. Mungkal
  3. Seri Lemak Minangkabau
  4. Seri Melenggang
  5. Tiga Batu
  6. Paya Kumbuh
  7. Batu Belang
  8. Anak Aceh
  9. Batu Hampar
  10. Seri Lemak Pahang
  11. Tiga Nenek
  12. Biduanda Sungai Ujong.
- 13.6 Kuasa pentadbiran dato'-dato' lembaga pula dibahagikan kepada tiga, iaitu Lembaga Yang Empat, Lembaga Yang Delapan, dan lembaga Tambahan. Dengan empat orang 'Lembaga Tambahan' itu menjadikan jumlah semua dato' lembaga ialah enam belas. Bagaimanapun dua orang lagi pembesar iaitu Dato' Baginda Maharaja dan Dato' Perdana (bakal penghulu) dikira bertaraf lembaga menjadikan jumlah semua lembaga ialah lapan belas orang.

- (i) **Lembaga Yang Empat:** Kedudukannya adalah 'Tiang Balai Penghulu Luak Ulu Muar'. 'Tiang Kerajaan kepada Yamtuan Besar' dan 'Umpan Pelayang kepada Keadilan'. Mereka lebih kanan daripada lembaga yang lain di Luak Ulu Muar.

GELARAN PESAKA	SUKU
1. Dato' Paduka Besar	Tanah Datar
2. Dato' Seri Maharaja	Mungkal
3. Dato' Senara Muda	Seri Lemak Minangkabau
4. Dato' Orang Kaya Bongsu	Seri Melenggang

Dato' Paduka Besar Lembaga suku Tanah Datar merupakan yang tua dalam susunan kedudukan tersebut.

- (ii) **Lembaga Yang Delapan:** Di dalam jemaah 'Lembaga Yang Delapan' ini pula Dato' Peda Maharaja daripada suku Tiga Batu berkedudukan sebagai yang tua dan adalah mencari "mata benih" kepada Penghulu Luak Ulu Muar.

Bagaimanapun kuasa Dato' Peda Maharaja tidaklah meliputi lapan suku terbabit, tetapi terbatas kepala sukunya sahaja. Gelaran dan suku 'Lembaga Yang Delapan' seperti berikut:

GELARAN PESAKA	SUKU
1. Dato' Peda Maharaja	Tiga Batu
2. Dato Senara Kaya	Paya Kumbuh
3. Dato' Senara Angsa	Batu Belang
4. Dato' Orang Kaya Kecil	Anak Aceh

GELARAN PESAKA	SUKU
5. Dato' Maharaja	Batu Hampar
6. Dato' Bangsa Balang	Seri Lemak Pahang
7. Dato' Maharaja Lela	Tiga Nenek
8. Dato' Baginda Raja	Biduanda Sg. Ujong

Ungkapan 'dua belas Muar' yang menjadi pertuturan di Luak Tanah Mengandung ialah berkaitan dengan dua belas suku berserta dato' lembaganya. Dua belas lembaga berkenaan termasuklah dalam 'Lembaga Yang Empat' dan 'Lembaga Yang Delapan' itu. Bagaimanapun dengan bertambahnya penduduk, dato'-dato' lembaga ini menghadapi masalah dalam menguruskan masalah anak-anak buah terutama mengenai soal-soal nikah kahwin atau tanah adat.

Kedadaan ini lebih sukar apabila anak-anak buah menetap di kampung yang jaraknya jauh daripada lingkungan perut. apatah lagi ketika itu perkhidmatan pengangkutan tidak mudah seperti sekarang. Dato'-dato' lembaga ini terpaksa berjalan kaki untuk menghadiri kenduri kahwin atau lain-lain masalah yang bersangkutan dengan adat istiadat.

Masalah juga timbul apabila mereka dijemput menghadiri sesuatu majlis di tempat yang berasingan dalam waktu yang sama. Sudah tentulah mereka tidak dapat menghadiri diri. Untuk mengelakkan berlakunya 'merebut' dato' lembaga, disamping timbul perasaan kecil hati di kalangan anak-anak buah dan suku masing-masing, maka diwujudkan empat lagi dato' lembaga yang disebut 'Lembaga Tambahan'.

- (iii) **Lembaga Tambahan:** Mempunyai fungsi yang sama dengan 'Lembaga Yang Empat' dan 'Lembaga Yang Delapan' dalam beberapa tugas tertentu seperti nikah kahwin, tanah adat, berkedim dan soal-soal yang berkaitan dengan anak buah dalam lingkungan mereka.

Sungguhpun bilangan dato' lembaga bertambah menjadi lapan belas, tetapi ungkapan mengenai kedudukan suku di Ulu Muar tetap 'dua belas Muar' juga. Empat LEMBAGA TAMBAHAN seperti berikut:

GELARAN PESAKA	SUKU
1. Dato' Penghulu Dagang	Biduanda Jawa
2. Dato' Orang Kaya Muda	Seri Lemak Minangkabau
3. Dato' Perdana	Tanah Datar
4. Dato' Seri Maharaja	Mungkal

#### 14. PERLANTIKAN SERTA GILIRAN

- 14.1 Dalam menentukan pengganti kepada penyandang pesaka, HAK Dato' Gunung Hijau dalam kertas kerjanya 'Kedudukan Agama dan Adat Minangkabau' di seminar adat di Padang, Sumatera tahun 1968 mengutip pepatah Minangkabau berbunyi:

***Birik-birik tabang ke sawah  
 Dari sawah tabang ke halaman  
 Patah sayok tabang baranti  
 Basuo di tanah bato***

***Dari ninik turun ke mamak.  
 Dari mamak turun ka kamanakan  
 Patah tumbuih hilang baganti  
 Pusako tatap baitu juo.***

- 14.2 Sistem pemilihan bagi melantik Dato' Penghulu di Luak Ulu Muar juga mengikut landasan yang sama. Pemilihan dato' lembaga sebagai ketua suku adalah selaras dengan fungsi:

***Bulat anak buah menjadikan buapak  
 Bulat buapak menjadikan lembaga  
 Bulat lembaga menjadikan penghulu  
 Bulat penghulu menjadikan raja.***

- 14.3 Semua mereka yang dilantik menjadi dato' lembaga dipilih mengikut kelayakan setelah mendapat restu daripada buapak selaku ketua perut dalam suku berkenaan. Di sebabkan setiap



suku mempunyai beberapa perut, maka jawatan (pesaka) dato' lembaga akan disandang secara bergilir-gilir.

- 14.4 Dato' lembaga boleh dipecat oleh Penghulu Luak sekiranya melanggar adat dan syarak. Sekiranya tidak ada apa-apa pergolakan pesaka dato' lembaga itu disandang hingga mati.
- 14.5 Struktur semua dato' lembaga dalam tiap-tiap suku adalah sama. Hanya jumlah buapak sahaja berbeza mengikut jumlah perut yang terlingkung dalam satu-satu suku itu. Misalnya dalam suku Seri Melenggang terdapat empat perut, sementara suku Mungkal pula hanya tiga perut. Ini bermakna suku Seri Melenggang mempunyai empat orang buapak berbanding dengan suku Mungkal dengan tiga orang buapak sahaja.
- 14.6 Gelaran yang diberikan kepada penyandang pesaka memang diwarisi sejak turun temurun. Sebab itulah apabila seseorang ketua adat meninggal dunia ada dijelaskan: Yang mati adalah batang tubuhnya. Pesaka yang disandangnya ditinggalkan kepada waris untuk digilirkan, kerana sudah ditetapkan di dalam adat:

***Hidup berkerelaan  
Mati berkerapatan.***

## 15. SUKU TANAH DATAR

- 15.1 Dalam suku Tanah Datar terdapat tiga perut bergilir menyandang pesaka Dato' Paduka Besar iaitu lembaganya. Mereka yang dipilih menyandang pesaka diteliti susur galur keturunannya yang asal. Buapak mestilah memilih tokoh yang layak menjadi lembaga supaya tidak sekadar ianya daripada suku Tanah Datar semata-mata. Tetapi mestilah mempunyai kriteria daripada keturunan yang tidak ada 'cacat cida' atau 'sawan gila' di dalam adat.

Suku berkenaan terbahagi kepada dua kelompok iaitu:

- (i) Tanah Datar Asal,
- (ii) Tanah Datar dijemput atau datang kemudian.

- (i) **Tanah Datar Asal:** Keluarga atau keturunan kaum kerabat Sutan Sumanik yang mula-mula meneroka menenggalung di tempat yang diberi nama Air Merbau Anjing Beranak di Kuala Gamin, Kampung Tengah awal kurun ke 17. Zuriat keturunannya ialah bergelar DATO' PADUKA BESAR, dan seorang lagi bergelar DATO' PANGLIMA SUTAN, yang masih ada lagi makamnya di Gamin dikenali sebagai Panglima Hitam atau Panglima Sutan Karu.

Panglima Sutan adalah salah seorang utusan yang dikirim ke Pagarruyung bagi menjemput Raja Melewar menaiki takhta di Seri Menanti. Apabila wujud Luak Ulu Muar daripada gabungan dua belas suku, maka sebagai bukti suku Tanah Datar menjadi peneroka penenggalung Kampung Tengah (Kuala Gamin), maka lembaganya dilantik sebagai LEMBAGA YANG EMPAT dan TIANG BALAI.

Keturunan suku Tanah Datar asal inilah yang berhak menyandang pesaka Dato, Paduka Besar bergilir-gilir.

- (ii) **Tanah Datar Berhijrah:** Sewaktu negeri belum terbuka orang-orang Tanah Datar Asal telah menjemput sanak saudaranya di Luak Jempol dan Rembau datang berhijrah. Mereka tertumpu dan bertepat kepada Sutan Semanik di Kuala Gamin, seperti perbilangannya:

***Jauh mencari suku  
Dekat mencari kadim.***

Mereka yang datang berhijrah ini membawa bersama gelaran pesaka adat 'Raja Penghulu' diberi kedudukan istimewa 'bergajah tunggal' di Kampung Tengah Hulu bertaraf 'Basar Waris' merangkap buapak. Raja Penghulu ini mempunyai anak buah yang disebut: Mencapai ke atas, menyeluk ke bawah, kerana ianya juga berkedudukan 'Pegawai 99'.

15.2 Tiga perut yang terlingkung dalam suku Tanah Datar ini ialah:

1. Perut Kampung Tengah atau Banun
2. Perut Seberang Muar atau Isom
3. Perut Kampung Ibul atau Kanda.

Ketiga-tiga perut ini sahaja berhak menerima giliran menyandang pesaka lembaga mengikut keturunan salasilah daripada Banun, Isom dan Kanda. Telah ditetapkan dalam perbilangannya mengenai hak penyandang pesaka itu:



15.4 Ini berbeza dengan To' Menuang di Rembang Panas, sekalipun beliau Besar Waris tetapi boleh: Mencapai keatas, menyeluk ke bawah, kerana beliau tidak bergajah tunggal/tetapi beliau sebagai Pegawai 99. To' Menuang diberi taraf 'Penolong Buapak'. Susunan pentadbiran adat bagi suku Tanah Datar ini selepas lembaga terdiri daripada:

1. Pegawai Yang Enam Istana bergelar Panglima Sutan.

2. Buapak

3. Besar Waris/Pegawai 99.

(i) **Perut Kampung Tengah atau Banun:** Buapaknya bergelar To' Setia Maharaja.

Pegawai Yang Enam, bergelar To' Panglima Sutan.

Besar Waris/Pegawai 99 keturunan yang berhijrah dari Jempol pula bergelar To' Lela Menteri. Kedudukannya tidak bergajah tunggal, kerana tidak mempunyai anak buah.

(ii) **Perut Seberang Muar atau Isom:** Buapaknya bergelar To' Kanda.

Pegawai Yang Enam, perut ini juga bergelar To' Panglima Sutan.

Besar Waris/Pegawai 99 perut Isom ini bergelar To' Membesar Nika Raja.

Satu lagi pesaka Besar Waris/Pegawai To' Amar Penghulu, bagi perut Seberang Muar atau Isom.

(iii) **Perut Kampung Ibol atau Kanda:** Gelaran buapaknya ialah To' Setia Raja.

(iv) **Panglima Sutan**

Jawatan Panglima Sutan, Pegawai Enam Istana adalah bergilir-gilir di antara tiga perut iaitu:

Perut Banun/Kampung Tengah

Perut Isom/Seberang Muar

Perut Kanda/Kampung Ibol

Umpamanya: Jika lembaga Paduka Besar disandang oleh perut Kampung Tengah maka gelaran Panglima Sutannya mestilah daripada perut Kampung Ibol atau Seberang Muar, jika Paduka Besar disandang oleh perut Kampung Ibol maka Panglima Sutan mestilah daripada perut Seberang Muar atau Kampung Tengah.

(v) Perut Kampung Ibol Besar Warisnya dipecahkan kepada tiga:

i) Bergelar To' Mogah

ii) To' Gontam

iii) To' Lela Maharaja

(vi) Perut Gachong/Pilah Tengah Besar warisnya To' Semaja dan To' Gamar Menteri.

Mereka ini juga bertaraf 'penolong buapak', disamping beberapa orang lagi 'penolong buapak' yang dipecahkan kepada:

i) Carak Pilah Tengah/Gachong bergelar To' Semaja dan To' Camar Menteri.


ii) Carak Sungai Dua gelarnya To' Jaskara

iii) Carak Kuala Kepis bergelar To' Kanda, dan

iv) Carak Kampung Talang bergelar To' Lela Maharaja, Pegawai 99 dari kampung Ibol sendiri.

# SUSUNAN PENTADBIRAN SUKU TANAH DATAR LUAK ULU MUAR

(STRUKTUR PENTADBIRAN ADAT)



Nota : i) BESAR WARIS pada setiap satu perut/carak adalah wakil buapak/penolong buapak/timbangan buapak berfungsi menjalankan tugas-tugas buapak di dalam perut carak yang ditetapkan itu saja.

ii) BESAR WARIS bukan di pilih tetapi dilantik oleh lembaga bila mana berlaku kekosongan.

## 16. SUKU MUNGKAL

- 16.1 Gelaran lembaganya Dato' Seri Maharaja termasuk dalam LEMBAGA YANG EMPAT iaitu TIANG BALAI. Fungsi 'Lembaga Yang Empat' ialah mengatur adat istiadat di Istana Besar Seri Menanti sama ada mengenai kemangkatan Yamtuan, pertabalan, nikah kahwin diraja, penghulu-penghulu mengadap dan beberapa lagi adat istiadat.
- 16.2 Dua perut sahaja terlingkung dalam suku berkenaan iaitu Perut Kayu Ara dan Perut Seberang Muar. Hanya seorang sahaja buapaknya bergelar To' Senara Sati. Sekalipun dalam catatannya pernah seorang lembaga daripada perut Pilah menyandang pesaka dengan buapaknya bergelar To' Setia Raja, tetapi perut berkenaan didapati tidak termasuk dalam perut yang dibolehkan menyandang pesaka.
- 16.3 Perut berkenaan hanya boleh menyandang Besar Waris bergelar To' Laksamana, dan kedudukannya bergajah tunggal. Senarai mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga suku Mungkal ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' SERI MAHARAJA		
Perut	Kayu Ara	Seberang Muar	Pilah
Penyandang secara kronologi	1. Bijak 2. Agak  6. Lombok 7. Kamar  9. Husin  12. Khalid b. Bonget (31.3.85 - Sekarang)	3. Chanai  4. Gobek 5. Tulok  8. Musa  10. Ujang	* perut ini tidak termasuk sebagai perut yang dibolehkan          11. Alias b. Jaalam

- 16.4 Krisis perlantikan lembaga tersebut pernah berlaku sehingga mencetuskan kalangan yang tidak puas hati di dalam suku. Dalam krisis awal kurun ke 20 inilah Alias b. Jaalam dilantik menyandang pesaka daripada perut baru yang diwujudkan. Bagaimanapun selepas Dato' Khalid mula menyandang pesaka inisiatif telah diambil bagi memulihkan keadaan di dalam suku seperti sebelum tercetusnya krisis itu.
- 16.5 Di bawah lembaga ini ialah buapaknya bergelar To' Senara Sati yang merangkumi dua perut iaitu kayu Ara dan Seberang Muar. Pesaka tersebut sekarang disandang oleh Haji Isa. Di bawah buapak ini diperkuat pula oleh Besar Waris seramai empat orang.
- 16.6 Mereka yang menyandang Besar Waris dalam suku Mungkal di Luak Ulu Muar sekarang seperti berikut:

GELARAN PESAKA	PERUT	PENYANDANG SEKARANG
1. TO' LAKSAMANA II (Peg. Enam Istana)	Pulau Jelebu	Abdul Malik
2. TO' MEMBESAR	Pulau Jelebu	- Kosong -
3. TO' GAMPA	Tanjung Bacang	Ismail
4. TO' MANGKU	Hujung Tanjung	Haji Yunus

- 16.7 To' membesar, To' Gampa dan To' Mangku adalah juga Pegawai 99 di Istana Besar Seri Menanti. Manakala di Telaga atau di Balai Penghulu Luak mereka di kenali pula dengan panggilan 'juak-juak'.
- 16.8 Sementara To' Laksamana ialah Pegawai Enam Istana, dengan keempat-empat pesaka tersebut (iaitu To' Laksamana, To' Membesar, To' Gampa dan To' Mangku) dalam suku Mungkal ini disebut 'Perut Laksamana'. Mereka daripada perut Laksamana ini tidak dibolehkan menyandang pesaka buapak mahupun lembaga.



16.9 Di samping itu diwujudkan juga pesaka 'penolong buapak' dengan gelarannya TO' MOSA. Penyandanginya sekarang ialah Haji Ujud. Bagaimanapun sudah ditetapkan bahawa pesaka penolong buapak ini diwariskan kepada perut Kayu Ara sahaja dengan tidak digilirkan ke Perut Seberang Muar. Inilah aturan adat yang di 'diuca dan dipakai' sejak dahulu kala.

16.10 To' Laksamana II menjadi Besar Waris dengan kedudukan bergajah tunggal di bolehkan semenda menyemenda di kalangan suku Mungkal. Perut berkenaan berkembang hingga ke Kampung Galau meliputi Kampung Umur, Kampung Jual dan Kampung Juaseh disebut 'Garak Galau' atau 'Mertang'.

Keturunan perut Laksamana ini berasal dari Rembau yang datang ke Ulu Muar setelah berlaku pergaduhan merebut gadis cantik daripada suku Mungkal juga. Disebabkan ianya telah membunuh anak buah suku Mungkal, maka kesalahannya ialah: *Bunuh sorong balas.*

16.11 Setelah mereka menetap di Luak Ulu Muar, maka suku Mungkal di Luak itu memberikan mereka tempat meneroka seperti perbilangannya:

***Orang diambil diberi harta  
Ternakan diambil diberi makan.***

16.12 Atas sebab-sebab urutan sejarahnya inilah perut berkenaan tidak dibolehkan menyandang pesaka buapak atau lembaga itu. Bagaimanapun disebabkan suku Mungkal yang memberikan mereka tempat meneroka di Luak Ulu Muar maka perut tersebut diberikan pesaka Besar Waris bergelar To' Laksamana itu.

## 17. SUKU SERI LEMAK MINANGKABAU

17.1 Lembaga sukunya bergelar Dato' Senara Muda. Nama perut bagi sukunya di ambil sempena penyandang pesakanya yang pertama dan kedua. Apabila To' Puteh menyandang Pesaka maka perut daripada keturunannya dinamakan 'Perut To' Puteh'. Manakala perut yang kedua juga diambil sempena To' Pandak yang mewarisi pesaka itu selepas To' Puteh.

17.2 Mereka berdua dipercayai adik-beradik. Sudah tentulah pada peringkat awalnya anak-anak buah tidak ramai. Apabila anak-anak buah berkembang maka dua perut awal itu dipecahkan lagi kepada dua bagi tiap-tiap perut. Sehingga sekarang suku Seri Lemak Minangkabau ini menjadi empat selepas pecahan daripada dua perut asal, mengandungi:

1. Perut To' Puteh
2. Perut To' Pandak.

17.3 Sebelum perut To' Puteh dan To' Pandak berkembang, empat orang telah bergilir-gilir menyandang pesaka Dato' Senara Muda ini. Pemilihan bagi lembaga suku tersebut ternyata berturutan mengikut giliran yang betul. Peringkat awal giliran mereka yang menyandang pesaka ini sewaktu suku berkenaan masih lagi dua perut sahaja, iaitu:

Gelaran Pesaka	DATO' SENARA MUDA	
Perut	To' Puteh Mertang	To' Pandak/ Sri Menanti
Penyandang secara kronologi	1. Puteh 3. Lumpoh	2. Pandak 4. Sopak

17.4 Setelah penduduk bertambah ramai mereka menambah perut bagi membolehkan lebih ramai tokoh berhak menyandang pesaka. Perut To' Puteh ditambah lagi satu iaitu Perut Parit dengan Perut Mertang kekal sebagai yang asal. Manakala perut To' Pandak ditambah kepada perut Pilah selepas perut Sri Menanti yang asalnya. Seterusnya mereka yang digilirkan menyandang pesaka seperti berikut:

Perut	To' Puteh Mertang	To' Puteh Parit	To' Pandak Sri Menanti	To' Pandak Pilah
Penyandang secara kronologi	8. Gempar	6. Ali  11. Haji Pilus b. Maaris (28.8.64) sekarang	5. Olek  7. Hasan	9. Bakar 10. Lateh
Gelaran Buapak	To' Setia Muda	To' Paduka Dia	To' Raja Pahlawan	To' Maharaja Kaya

- 17.5 Sekalipun mempunyai empat perut dengan empat orang buapak, suku Seri Lemak Minangkabau tetap terikat kepada dua perut asal juga dalam menentukan giliran kepada penyandang pesaka. Dua perut ini menerima giliran secara bergilir-gilir sama sendiri.

Sekiranya perut Mertang daripada perut To' Puteh sudah menerima pesaka maka giliran seterusnya diberikan kepada perut To' Pandak sama ada daripada perut Seri Menanti atau Pilah. Apabila giliran tiba kepada perut To' Puteh semula maka hendaklah diberikan pula kepada perut Parit.

- 17.6 Pernah berlaku perut To' Pandak Pilah berturut-turut menyandang pesaka iaitu selepas Dato' Bakar digilirkan pula kepada Dato' Lateh. Perlantikan ini dipersetujui oleh buapak disebabkan keadaan yang tidak dapat dielakkan. Ketika ini Dato' Bakar menunaikan fardu haji ke Mekah.

Perjalanan ke Mekah di masa lalu tidaklah mudah seperti sekarang kerana menggunakan kapal laut. Oleh itu tempoh perjalanan ke Mekah memakan masa hampir tiga bulan. Dengan persetujuan buapak, Dato' Bakar menyerahkan kepada menantunya (yang juga anak saudaranya) Dato' Lateh sebagai pemangku pesaka. Dato' Lateh juga adalah suku Seri Lemak Minangkabau perut To' Pandak/Pilah yang berhak menyandang pesaka.

- 17.7 Dato' Bakar telah meninggal dunia di Mekah. Memandangkan Dato' Lateh sudah memangku pesaka disamping berkebolehan mentadbirkan adat, buapak-buapak bersetuju pesaka tersebut

terus disandang oleh Dato' Lateh. Tiap-tiap perut juga mempunyai Besar Waris iaitu:

**1. Perut To' Puteh Mertang**

- i) To' Maharaja Diraja
- ii) To' Maharaja Sinda
- iii) To' Maharaja Pelilis
- iv) To' Khatib Raja

**2. Perut To' Puteh Parit**

- i) To' Paduka Seri Rama
- ii) To' Mansa
- iii) To' Paduka Menti
- iv) To' Duka Menteri

**3. Perut To' Pandak Sri Menanti**

- i) To' Menti Maharaja
- ii) To' Perdana
- iii) To' Menteri Hakim

**4. Perut To' Pandak Pilah**

- i) To' Panglima Jaya
- ii) To' Anak Serantau
- iii) To' Setia Persaka
- iv) To' Imam Perang
- v) To' Seri Maharaja

17.8 To' Khatib Raja daripada perut To' Puteh Mertang adalah khatib istana yang kedudukannya 'ke atas mencapai, ke bawah menyeluk'. Beliau menjadi pegawai mengelolakan surau di Istana Besar Seri Menanti. Pemilihan suku Seri Lemak Minangkabau menjadi Khatib Raja ialah mengikut peraturan sejak bermulanya sistem beraja, apabila tapak mendirikan istana itu adalah tanah kepunyaan suku berkenaan.

- 17.9 Sebagai menghargakan sumbangan suku Seri Lemak Minangkabau membenarkan istana didirikan di atas tapak tanah mereka, hingga sekarang sehelai kain putih yang disebut 'jejak-jejak' di dalam adat, apabila direntang dibalairong seri di hadapan singgahsana akan diserahkan menjadi milik Dato' Senara Muda lembaga suku itu setelah ianya digunakan dalam upacara adat istiadat.
- 17.10 Oleh itu apabila surau dibina di Istana besar, pegawai yang bertanggungjawab menguruskannya juga dilantik daripada suku Seri Lemak Minangkabau. Di sinilah bermulanya perlantikan Khatib Raja menjadi pegawai istana di samping Besar Waris dalam suku Seri Lemak Minangkabau.

## 18. PERUT GALAU

- 18.1 Terdapat satu lagi perut di dalam suku ini dibawah pentadbiran adat lembaganya DATO' SENARA MUDA yang tidak disenaraikan iaitu perut GALAU. Anak buah suku Seri Lemak Minangkabau daripada perut ini berasal dari Luak Rembau yang datang ke Luak Ulu Muar setelah berlaku pergaduhan merebut seorang gadis cantik. Kumpulan mereka ini 'menepat' kepada buapak perut Mertang iaitu TO' SETIA MUDA, mengikut aturannya:

***Jauh mencari suku  
Dekat mencari kedim***

- 18.2 DATO' SENARA MUDA membenarkan kumpulan berkenaan meneroka tanah di Kampung Galau bersempadan dengan Kampung Mertang dalam Luak Ulu Muar. kemudian dilantik seorang ketua bergelar TO' LAKSAMANA selaku 'tua waris' atau 'besar waris' dan PEGAWAI YANG ENAM dalam istana Seri Menanti, seperti perbilangannya:

***Orang diambil diberi harta  
Kerbau ditambah diberi makan.***

- 18.3 Semasa pentadbiran Dato' Senara Muda GAMPAR telah berlaku peristiwa 'pelepah melampaui pucuk' apabila orang yang menyandang pesaka To' Laksamana ini telah membunuh seorang anak buah suku Mungkal Luak Ulu Muar. Kejadian yang membabitkan nyawa manusia ini terpaksa dipanjangkan kepada pengetahuan Yang di Pertuan Besar.

- 18.4 Baginda menjatuhkan hukuman kepada To' Laksamana seperti yang dituntut oleh adat iaitu: Bunuh sorong balas, nyawa ganti nyawa. To' Laksamana yang terbabit enggan mematuhi hukuman yang dijatuhkan ke atasnya lantas menyerahkan pesaka yang disandangnya (iaitu TO' LAKSAMANA) kepada suku Mungkal hinggalah kehari ini.
- 18.5 Oleh itu segala pentadbiran adat yang membabitkan tanah pesaka perut berkenaan diserahkan kepada To' Setia Muda dan Dato' Senara Muda. Anak buah perut Galau ini telah berkembang biak dan meneroka pula ke Jumbang, Kampung Umur dan Kampung Juasseh Ulu di Luak Ulu Muar. Manakala sebahagiannya lagi berpindah ke Beranang dan Lenggeng di daerah Seremban. (luak Sungai Ujong)

Bagaimanapun semenda menyemenda di antara perut Galau dengan lain-lain perut dalam suku Seri Lemak Minangkabau seperti Mertang, Seri Menanti, Parit dan Pilah tidak digalakkan.

## 19. SUKU SERI MELENGGANG

- 19.1 Satu lagi lembaga yang duduk dalam 'LEMBAGA YANG EMPAT' menjadi 'TIANG BALAI' ialah Dato' Orang Kaya Bongsu lembaga suku Seri Melenggang. Suku ini mempunyai jumlah anak buah yang besar bilangannya. Sebab itulah terdapat empat perut dalam lingkungan suku berkenaan. Empat perut ini ialah:
1. Perut Seri Menanti
  2. Perut Pilah
  3. Perut Terachi/Talang
  4. Perut Makam Gachong.
- 19.2 Buapak yang menguasi tiap-tiap perut itu terdiri daripada: To' Raja Lela bagi perut Seri Menanti, To' Indera Sekara, perut Pilah, To' Sutan Raja Lela, perut Terachi/Talang, dan To' Amar Sekara, perut Makam Gachong. Mereka yang pernah menyandang pesaka Dato' Orang Kaya Bongsu lembaga suku Seri Melenggang ini ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' ORANG KAYA BONGSU			
Perut	Seri Menanti	Pilah	Terachi/ Talang	Makam Gachong
Penyanggand secara kronologi	1. To' Seh 2. Rambut Panjang 3. Riar 4. Makar 5. Lateh  9. Rasip	6. Asin  10. Jalil  12. Abdul Aziz Hj. Mohd. Noor.	7. Aji  11. Yassin	8. Lajin

- 19.3 Apabila Dato' Yassin lembaga yang kesebelas menyandang pesaka meninggal pada 30 Mac, 1985, pesaka Dato' Orang Kaya Bongsu ini lama tidak diganti. Hinggalah pada 2 Mac, 1992 barulah Dato' Abdul Aziz daripada perut Pilah dilantik menyandang pesaka tersebut.

Dalam senarai penyandang pesaka itu didapati perut Seri Menanti berturut-turut lima kali dilantik menjadi lembaga. Bermula dengan To' Seh penyandang pesaknya yang pertama hinggalah kepada Dato' Lateh penyandang yang kelima, tidak pernah digilirkan kepada perut yang lain. Begitu juga selepas Dato' Yassin tidak pula digilirkan kepada perut Makam Gachong, sekalipun pesaka berkenaan lama dikosongkan.

- 19.4 Inilah empat lembaga suku terkanan di Luak Ulu Muar yang duduk dalam LEMBAGA YANG EMPAT itu. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab kepada pentadbiran adat di luak Ulu Muar, malah berkuasa mengatur adat istiadat di Istana Besar Seri Menanti, seperti disebutkan bidang kuasa mereka dalam perbilangannya:

**Tiang Balai Penghulu Luak Ulu Muar  
Tiang Kerajaan Istana Besar Seri Menanti  
Umpan Pelayang Kepada Keadilan**

## 20. LEMBAGA YANG DELAPAN

- 20.1 Dalam memperkukuhkan pelaksanaan adat, sistem sosial masyarakat di luak Ulu Muar sama dengan luak-luak yang lain juga. Kalau di Pagarruyung kedudukan 'Rajo Nan Tiga Selo' diperkuatkan dengan 'Basa Ampek Balai', maka Penghulu Luak Ulu Muar dilengkapi dengan 'Lembaga Yang Empat'.

Perjalanan adat di Pagarruyung sewaktu pentadbiran 'Rajo Nan Tigo Selo' itu diwujudkan lagi 'Langgam Nan Tujuh' di bawa 'Basa Ampek Balai', dan ini mungkin sama fungsinya dengan 'LEMBAGA YANG DELAPAN' di luak Ulu Muar.

- 20.2 Dengan struktur demikian barulah mereka dapat mempraktikkan: Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Setiap langkah yang berkaitan dengan adat mestilah mendapat kebulatan daripada muafakat semua pemimpin adatnya.
- 20.3. Ini bermakna pemakaian adat di luak Ulu Muar selari dengan pepatah petitih yang dibawa dari Tanah Minang. Tidak hairanlah susunan struktur pentadbirannya lebih mirip kepada yang dilaksanakan di Minangkabau. Dasar penyusunan struktur yang dijalankan di Padang-Pariangan ke Lubuk Basung seperti disebut oleh Baharuddin Dato' Rangkayo dalam kertas kerjanya di seminar adat di Padang tahun 1968 ialah:

***Lompek basatumpu, tabang mencakam  
Mamak ditinggalkan, mamak ditapati  
Pamarintah tingga satuju saja.***

- 20.4 Dengan ini memudahkan pemerintah atau Penghulu Luak menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya yakin 'Pamarintah tingga satuju sajo'. LEMBAGA YANG DELAPAN ini terdiri daripada lembaga:

1. Suku Tiga Batu (sebagai ketua)
2. Suku Paya Kumbuh



3. Suku Batu Belang
4. Suku Anak Aceh
5. Suku Batu Hampar
6. Suku Seri Lemak Pahang
7. Suku Tiga Nenek
8. Suku Biduanda Sungai Ujong

## 21. SUKU TIGA BATU

- 21.1 Proses perlantikan 'Lembaga Yang Delapan' sama juga dengan perlantikan lembaga yang lain. Dalam suku Tiga Batu lembaganya bergelar DATO' PEDA MAHARAJA. Suku ini mempunyai tiga perut yang berhak menyandang pesaka secara bergilir-gilir. Perlantikan dibuat berdasarkan: Bulat buapak menjadi lembaga.
- 21.2 Tidak banyak keterangan diperolehi daripada mana-mana sumber mengenai suku Tiga Batu ini. Dalam masa kedatangan orang-orang Minangkabau ke luak ini hanya disebut suku Tanah Datar yang mula-mula meneroka. Kemudian diikuti oleh suku Seri Lemak Minangkabau yang diketuai oleh Dato' Puteh iaitu tokoh pertama menyandang pesaka Dato' Senara Muda Lembaga suku Seri Lemak Minangkabau.
- 21.3 Bagaimanapun lembaganya telah ditetapkan sebagai ketua kepada 'Lembaga Yang Delapan'. Tiga perut yang terlingkung di dalam suku ini ialah: Perut Pilah dengan buapaknya bergelar To' Sanara Garang, Perut Ulu Pilah, buapaknya To' Palembang, dan Perut Kampung Ibol, buapaknya To' Paduka Dia.
- 21.4 Sekalipun mengepalai 'Lembaga Yang Delapan' lembaganya Dato' Peda Maharaja tidak berhak mencampuri urusan dalam suku yang lain. Kuasanya tetap terbatas kepada suku Tiga Batu sahaja. Mereka yang pernah menyandang pesaka berkenaan terdiri daripada:

Gelaran Lembaga	DATO' PEDA MAHARAJA		
Perut	Pilah	Ulu Pilah	Kg. Ibol
Penyanggand secara kronologi	1. Pendek  4. Achun  7. Sulaiman	2. Miran  5. Pintal  8. Yaakob b. Sudin (1951 hingga sekarang)	3. Aris  6. Badat
Gelaran buapak	To' Senara Garang	To' Pelembang	To' Paduka Dia

- 21.5 Senarai penyanggand pesaka lembaga suku Tiga Batu ini bergitu teratur digilirkan mengikut perut yang berhak. Selepas Pendek menyanggand pesaka daripada perut Pilah, beliau digantikan oleh Miran daripada perut Ulu Pilah. Kemudian pesaka mereka digilirkan pula kepaa Aris daripada perut Kampung Ibol dan seterusnya digilirkan teratur.

## 22. SUKU PAYA KUMBUH

- 22.1 Dengan gelaran lembaganya Dato' Senara Kaya, suku ini mempunyai jumlah anak buah yang ramai iaitu sebanyak lima perut. Jumlah tersebut menunjukkan tokoh terawal mengetuai suku Paya Kumbuh ini mempunyai anak perempuan atau saudara perempuan tidak kurang daripada lima orang. Daripada keturunan perempuan inilah bermulanya sistem 'perut', yang berhak menerima giliran penyanggand pesaka yang ditetapkan oleh suku mereka.
- 22.2 Sejarah perkembangan suku ini bermula dari Rembau pada awal abad ke 19. Mereka datang terkemudian sedikit daripada kumpulan pertama yang meneroka Ulu Muar sekitar awal abad ke 18. Ketika Ulu Muar diteroka orang-orang Minangkabau

memang sudah ramai menetap di Rembau dan Naning seperti catatan yang dibuat oleh Pegawai Portugis di Melaka, Goudinho de Eredia.

- 22.3 Dalam catatan Goudinho tahun 1613 disebutkan Naning sebagai wilayah Portugis yang ramai didiami orang Minangkabau termasuk juga Rembau yang bersempadan. Perpindahan orang-orang Minangkabau ke Luak Ulu Muar bukan sahaja disebabkan mencari tempat baru untuk penempatan.
- 22.4 Awal abad ke 19 luak Rembau menghadapi pergolakan yang meruncing. Krisis Undang Luak Rembau Dato' Bogok dengan Yamtuan Muda Raja Asil memuncak tahun 1815 berikutan langkah Yamtuan Muda itu menyokong Yamtuan Muda Riau, Daeng Chelak melarikan anak perempuan Dato' Undang.
- 22.5 Luak Rembau juga terbabit dengan perang Naning tahun 1831, apabila Undang Luak Rembau Dato' Nganit membantu Dato' Naning Dol Said memerangi Inggeris di Melaka. Orang-orang Minangkabau daripada suku Paya Kumbuh ini diantara kumpulan yang berpindah ke Ulu Muar mencari tempat selamat yang aman damai.
- 22.6 Dengan ramainya kaum keluarga mereka berpindah di samping jumlah saudara perempuan mereka juga ramai, maka suku ini mempunyai lima perut terlingkung di dalam hingga sekarang ini iaitu:
1. Perut Bemban
  2. Perut Perigi Jernih
  3. Perut Senaling
  4. Perut Masjid Terbakar
  5. Perut Ulu Pilah
- 22.7 Sama seperti suku-suku yang lain, lembaga suku Paya Kumbuh juga dilengkapi dengan lima orang buapak yang mengetuai perut masing-masing terdiri daripada:
- i) To' Panglima Perang, Perut Bemban
  - ii) To' Raja Balang, Perut Perigi Jernih

- iii) To' Laksamana, Perut Senaling
- iv) To' Mangku, Perut Masjid Terbakar
- v) To' Jaya, Perut Ulu Pilah.

Mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga suku Paya Kumbuh ini ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' SENARA KAYA				
	Perut	Bemban	Perigi Jemih	Senaling	Masjid Terbakar
Penyandang secara kronologi	1. Samsura  7. Kedah	2. Lisa  8. Tahar	3. Budu	4. Rasip  6. Haji Osman  9. Haji Idris b. Tain (sekarang)	5. Jaudin
Gelaran buapak	To' Panglima Perang	To' Raja Belang	To' Laksamana	To' Mangku	To' Jaya

22.8 Berdasarkan catatan Newbold lembaga yang ke dua Dato' Lisa telah memegang pesaka tersebut sekitar 1839. Kalau catatan ini benar maka jelaslah Dato' Samsura mula menyandang pesaka Dato' Senara Kaya ketika krisis di luak Rembau memuncak dengan perang Naning itu.

## 23. SUKU BATU BELANG

23.1 Tiga perut berhak menyandang pesaka lembaga suku Batu Belang yang membawa gelaran Dato' Senara Angsa. Lantikan Lembaga digilirkan kepada setiap perut. Seorang sahaja buapaknya bergelar To' Paduka Manti. Tiga perut yang terlingkung di dalam suku ini ialah:

1. Perut Gementir
2. Perut Purun Tinggi atau Bukit
3. Perut Purun Lekok atau Tebing Tinggi atau Tanjung Ipoh.

23.2 Sebelum ini suku tersebut mempunyai seorang lagi buapak bergelar To' Raja Dia daripada perut Pilah Tengah. Kumpulan ini berasal dari Rembau dengan jumlah keluarga yang tidak ramai. Satu persetujuan dicapai dalam tahun 1909 memansuhkan perut tersebut selepas To' Raja Dia yang terakhir meninggal dunia pada tarikh berkenaan.

23.3 Dengan persetujuan tersebut semua keluarga perut Pilah Tengah diserapkan kepada salah satu daripada tiga perut yang kekal hingga sekarang. Tiga perut tersebut adalah kumpulan terawal berasal daripada keturunan di Pasir Besar. Mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga suku Batu Belang ini:

Gelaran Pesaka	DATO' SENARA ANGSA		
Perut	Gementir	Purun Tinggi atau Bukit	Purun Lekok atau Tebing Tinggi atau Tanjung Ipoh
Penyandang secara kronologi	1. Sobek  4. Sujan  7. Rahmat  10. Hj. Nordin b Abd. Hamid (2.3.92 - hingga sekarang)	3. Sayit  6. Simat  9. Jaalam	2. Bandin  5. Sindit  8. Taat
Gelaran Buapak	TO' PADUKA MANTI		

## 24. SUKU ANAK ACHEH

- 24.1 Hanya dua perut sahaja terlingkung dalam suku Anak Acheh ini dengan lembaganya bergelar DATO' ORANG KAYA KECIL. Keturunan mereka juga adalah berasal dari Rembau dan berpindah ke luak Ulu Muar sekitar awal abad ke 19. Buapak yang membantu lembaga juga hanya seorang bergelar To' Kanda.
- 24.2 Dua perut yang terlingkung di dalam suku ini ialah: Perut Serdang, dan Perut Tebing Tinggi. Bagaimanapun perut Serdang merangkumi juga perut Tanjung Ipoh, dan perut Tebing Tinggi juga meliputi perut Sungai Dua. Penyandang pesakanya seperti berikut:

Gelaran Pesaka	DATO' ORANG KAYA KECIL	
Perut	Serdang	Tebing Tinggi
Penyandang secara kronologi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sulah</li> <li>2. Badak</li> <li>3. Tiha</li> <li>5. Dris</li> <li>7. Haji Japar</li> <li>9. Saleh</li> <li>11. Ismail</li> <li>13. Hamid</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Omar</li> <li>6. Jaudin</li> <li>8. Ujang</li> <li>10. Siam</li> <li>12. Tahir</li> <li>14. Haji Yaacob bin Adi (30.3.1992 hingga sekarang)</li> </ol>
Gelaran Buapak	TO' KANDA	

- 24.3 Susunan pentadbirannya tidaklah berdasarkan 'mati ayam mati tungau', yakni sekiranya lembaga meninggal dunia maka buapak

secara automatik akan gugur pesakanya. Tetapi buapak akan terus kekal sekiranya lembaga yang baru dilantik bersetuju. Lazimnya, lembaga yang baru dilantik terus mengekalkan buapaknya.

- 24.4 Bagaimanapun susunan sekarang memperlihatkan sekiranya lembaga daripada perut Serdang, maka buapaknya daripada perut Tebing Tinggi. Begitu juga sebaliknya. Pesaka lembaga sekarang disandang oleh Dato' Haji Yaakob daripada perut Tebing Tinggi, manakala buapaknya ialah To' Kanda Mat Rashid daripada perut Serdang. Mereka yang pernah menyandang pesaka buapak suku Anak Acheh ini bergelar To' Kanda ialah:

1. Mahad - Perut Serdang
2. Kidam - Perut Tebing Tinggi
3. Tahir - Perut Serdang
4. Saat b. Pungut - Perut Tebing Tinggi
5. Mat Rashad bin Atin - Perut Serdang (sekarang)

- 24.5 Di bawah buapak ini ialah 'Besar-besar Waris' yang dipanggil 'Pegawai 99' seramai lima orang. Mereka boleh dipilih daripada mana-mana perut sahaja. Ketika ini tiga Besar Waris disandang oleh perut Serdang, dan dua lagi daripada perut Tebing Tinggi. Mereka yang menyandang Besar Waris sekarang ialah:

Penyandang	Gelaran	Perut
1. Hj. Maamor b. Maaseh	To' Paduka Tuan	Tebing Tinggi
2. Hj. Saat b. Pungut	To' Laksamana	Tebing Tinggi
3. Shamsudin b. Bador	To' Setia Maharaja	Serdang
4. Mohd Hashim b. Bador	To' Membesar	Serdang
5. Zakaria b. Sonat	To' Satay	Serdang

Besar Waris yang bergelar To' Laksamana kedudukannya 'bergajah tunggal' kerana ianya bertaraf buapak.

## 25. SUKU BATU HAMPAR

25.1 Keturunan mereka juga berhijrah dari Rembau sekitar awal abad ke 19. Mereka memilih Ulu Muar setelah Yamtuan Besar bersemayam di Seri Menanti, dan tidak lagi di Penajis, Rembau. Sewaktu kekacauan berlaku di Rembau akibat serangan, Daeng Chelak dari Riau tahun 1815, pemerintahan di Seri Menanti ialah di bawah Yamtuan Lenggang (1808 - 1824)

25.2 Tiga perut bergilir-gilir mewarisi pesaka lembaga suku Batu Hampar bergelar DATO' MAHARAJA. Sekalipun tiga perut terlingkung di dalamnya tetapi pesaka buapaknya satu sahaja iaitu To' Raja Lela. Tiga perut yang terlingkung dalam suku tersebut terdiri daripada:

1. Perut Kampung Tengah
2. Perut Parit
3. Perut Ampang Tinggi

25.3 Mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga suku Batu Hampar dengan membawa gelaran Dato' Maharaja ini ialah:

Gelaran Lembaga	DATO' MAHARAJA		
Perut	Kampung Tengah	Parit	Ampang Tinggi
Penyandang secara kronologi	1. Tentu 3. KandeK 5. Mulai 8. Wahab	2. Peta 4. Abul 6. Liun 9. Sulaiman b. Kasan (Dis. 1985 hingga sekarang)	7. Jalil
Gelaran Buapak	To' Raja Lela		



- 25.4 Dalam catatan Newbold masa pemerintahan Yamtuan Imam (1861 - 1869) Dato' Mulai, Lembaga suku ini yang kelima diberi tanggungjawab pegawai di Istana Ampang Tinggi sama seperti kedudukan Dato' Raja Dewangsa di Istana Besar Seri Menanti. Selepas inilah wujudnya perut Ampang Tinggi dalam suku Batu Hampar.
- 25.5 Apabila Dato' Mulai menjadi pegawai di Istana Ampang Tinggi di sebutkan dalam aturan perbilangannya:

***Bertali kepada raja  
Bukan kepada (Undang) Johòl***

## **26. SUKU SERI LEMAK PAHANG**

- 26.1 Tiga perut berhak menyandang pesaka lembaga suku Seri Lemak Pahang ini. Tidak ada fakta jelas mengenai kedatangan mereka. Bagaimanapun suku tersebut mempunyai kaitan dengan suku Seri Lemak Pahang yang diketuai oleh Baginda Maharaja.
- 26.2 Keluarga dari Pahang yang datang berhijrah ke Ulu Muar itu anak lelakinya Khatib Akhir berkahwin dengan Tengkis. Anak Khatib Akhir inilah Naam yang menjadi Penghulu Luak Pertama. Ketika kedatangan mereka ke Ulu Muar, Khatib Akhir mempunyai dua orang saudara perempuan.
- 26.3 Daripada urutan sejarah ini dipercayai suku Seri Lemak Pahang ini adalah keturunan dua orang saudara perempuan Khatib Akhir itu. Tiga perut yang terlingkung dalam suku berkenaan ialah:
1. Perut Kampung Juar
  2. Perut Pilah
  3. Perut Parit atau Muar
- 26.4 Lembaganya bergelar DATO' BANGSA BALANG, dengan buapaknya tiga orang terdiri daripada: To' Jaya, perut Juar, To' Jinkaya, perut Pilah, dan To' Amar Sekara, perut Parit atau Muar. Suku Seri Lemak Pahang mempunyai susur galur yang sama di Minangkabau dengan suku Seri Lemak Minangkabau.

- 26.5 Suku Seri Lemak yang datang dari Minangkabau diketuai oleh Dato' Puteh meneroka di Kuala Gamin. Keturunan mereka inilah dikenali sebagai suku Seri Lemak Minangkabau. Sementara kumpulan Seri Lemak yang menyusur laut hingga naik di Pahang, apabila berpindah ke luak Ulu Muar dikenali pula sebagai Seri Lemak Pahang.
- 26.6 Orang-orang Minangkabau dipercayai berhijrah ke Pahang dalam masa pemerintahan Kerajaan Melayu Johor-Riau. Penghijrahan ini kemungkinan secara beramai-ramai apabila Raja Kechil (Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah) kerabat Raja Minangkabau menakluk Johor tahun 1718. Raja Kechil mendakwa sebagai putera Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, konon ibunya sedang sarat mengandung sewaktu lari ke Siak selepas sultan dibunuh oleh seorang pembesar istana. Beliaulah putera yang dibawa lari oleh ibunya yang sarat mengandung itu.
- 26.7 Giliran mereka yang pernah menyangand pesaka Dato' Bangsa Balang lembaga suku Seri Lemak Pahang ini seperti senarai berikut:

Gelaran Pesaka	DATO' BANGSA BALANG		
Perut	Kg. Juar	Pilah	Parit/Muar
Penyangand secara kronologi	1. Panau 2. Sudit 4. Kamaruddin 7. Sahak	3. Tain 5. Ngah 8. Hj. Abu Hassan Hj. Ali (Sekarang)	6. Rahim
Gelaran Buapak	To' Jaya	To' Jinkaya	To' Amar Sekara

- 26.8. Bagaimanapun suku Seri Lemak Pahang ini dibolehkan semenda menyemenda dengan suku Seri Lemak Pahang Dato' Baginda Maharaja. Mereka datang ke Ulu Muar selepas peristiwa tujuh orang dari Singapura yang mudik Sungai Muar itu. Sekalipun

dalam sejarah lisan menyebut tujuh orang itu berketurunan Hindustan, tetapi fakta penemuan kubur-kubur lama di luak ini menunjukkan mereka adalah keturunan Minangkabau.

## 27. SUKU TIGA NENEK

- 27.1 Suku berkenaan hanya mempunyai seorang sahaja buapak dengan dua perut terlingkung didalamnya iaitu: Perut Seri Menanti dan Perut Talang. Kumpulan mereka juga tidak mempunyai pengikut yang ramai dibandingkan dengan suku-suku lain. Gelaran lembaganya ialah DATO' MAHARAJA LELA, dengan buapaknya bergelar To' Setia Raja. Keturunan ini juga menetap di Rembau sebelum berpindah ke Ulu Muar.
- 27.2 Boleh dikatakan orang-orang Minangkabau di Rembau ramai berhijrah ke Ulu Muar disebabkan dua kemungkinan. Pertama: Mencari perlindungan ditempat yang lebih aman kerana luak Rembau sentiasa dalam keadaan tidak tenang. Kedua: Sentimen darah keturunan setelah raja dari Tanah Minangkabau bersemayam di Seri Menanti.
- 27.3 Penyandang pesaka Lembaga bagi suku Tiga Nenek bergelar Dato' Maharaja Lela terdiri daripada:

Gelaran Pesaka	DATO' MAHARAJA LELA	
Perut	Seri Menanti	Talang
Penyandang secara kronologi	1. Sabtu 3. Sitam 5. Badur 7. Adenan b. Sharif (2.3.92 - hingga sekarang)	2. Ismail 4. Jampol 6. Abdul Hadi
Gelaran Buapak	To' Setia Raja	

## 28. SUKU BIDUANDA SUNGAI UJONG

28.1 Jumlah lapan lembaga yang duduk dalam 'Lembaga Yang Delapan' ini termasuk juga suku Biduanda Sungai Ujong. Sekalipun namanya Biduanda Sungai Ujong, tetapi Nathan dan Wisniedt dalam 'Papers on Malay Subject' mendakwa kumpulan ini berasal dari Rembau. Mereka dibolehkan semenda menyemenda dengan Biduanda Jawa, tetapi dilarang dengan Biduanda Waris.

28.2 Lembaganya bergelar Dato' Baginda Raja, dengan seorang buapak To' Ginda Melana. Empat perut terlingkung di dalam suku berkenaan iaitu: Perut Ulu Pilah, Perut Kampung Terap, Perut Merilang atau Pulau Pinang, dan Perut Pilah Tengah. Mereka yang sudah digilirkan menyandang pesaka lembaga suku Biduanda Sungai Ujong ini:

Gelaran Lembaga	DATO' BAGINDA RAJA			
Perut	Ulu Pilah	Kg. Terap	Merilang/ Pulau Pinang	Pilah Tengah
Penyandang secara kronologi	1. Marah 2. Duatai 3. Talok  7. Maaris	5. Gansar 6. Siawang	4. Latip  9. Yazid b. Md. Nor (sekarang)	8. Keledak
Gelaran Buapak	To' Ginda Malana			

28.3 Sepatutnya jumlah buapak mengikut jumlah perut, kerana fungsi buapak ialah mengetuai perut. Tetapi terdapat suku di luak Muar hanya mempunyai seorang sahaja buapak. Apakah ianya mengikut sistem seperti dijalankan di Luak Gunung Pasir iaitu: Mati ayam mati tungau.

28.4 Catatan sejarah lisan mengenai perpindahan orang-orang Rembau ke Ulu Muar adalah tepat dengan faktanya.

Bagaimanapun bercanggah dengan tarikh tokoh-tokoh terbabit. Daeng Chelak yang dikatakan berperang dengan Undang Luak Rembau tahun 1815 itu sebenarnya Yamtuan Muda Riau 1729 - 1745. Beliau meninggal dunia tahun 1745 mengikut fakta sejarah bertulis.

- 28.5 Perang di Rembau tahun 1815 membabitkan Undang Luak Rembau Dato' Bogok dengan Bugis, ketika itu Yamtuan Muda Riau ialah Raja Jaafar bin Raja Haji (Marhum Bukit Ketapang). Sementara Daeng Chelak ialah diantara lima orang anak raja Bugis yang berperang mengusir Raja Kechil daripada takhta kerajaan Johor.
- 28.6 Perang di Linggi tahun 1721 antara Raja Kechil dengan Daeng Chelak memang membabitkan orang-orang Minangkabau di Rembau. Undang Luak Rembau ketika ini ialah Dato' Sabat (meninggal dunia tahun 1750). Kekuasaan Johor ke atas Rembau pada masa ini masih kuat, apatah lagi rajanya berketurunan Minangkabau iaitu Raja Kechil.
- 28.7 Sentimen menyokong raja berketurunan Minangkabau ini menyebabkan orang-orang Minangkabau di Rembau merasa terancam setelah Daeng Chelak dan anak-anak raja Bugis mengalahkan Raja Kechil di Linggi, tahun 1721 itu. Sudah tentulah perpindahan orang-orang Minangkabau dari Rembau ke Ulu Muar dimulai sejak awal abad ke 18 lagi.

## 29. FUNGSI KUASA

- 29.1 Tugas umum seseorang dato' lembaga berkaitan dengan kepentingan suku masing-masing, manakala tugas khas pula ialah hubungan dengan kuasa yang lebih atas sama ada Penghulu Luak mahupun Yamtuan. LEMBAGA YANG EMPAT di luak Ulu Muar ini dikenali juga sebagai wakil kepada Dato' Penghulu Luak.
- 29.2 Misalnya Dato' Penghulu Terachi diwakili oleh lembaganya Dato' Raja Dimuda berurusan dengan Undang Luak Sungai Ujong, maka Dato' Paduka Besar lembaga suku Tanah Datar iaitu LEMBAGA YANG EMPAT akan mengetuainya. Mereka berdualah akan menjalankan tugas menemui Dato' Kelana

Putera, Undang Luak Sungai Ujong. Aturan yang ditetapkan kepada 'Lembaga Yang Empat' dalam urusan tersebut ialah:

1. Dato' Paduka ditugaskan kepada Undang Luak Sungai Ujong, Dato' Kelana Putera.
2. Dato' Seri Maharaja ditugaskan kepada Undang Luak Jelebu, Dato' Mandalika Menteri Akhir Zaman.
3. Dato' Senara Muda ditugaskan kepada Undang Luak Johol, Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan.
4. Dato' Orang Kaya Bongsu ditugaskan kepada Undang Luak Rembau, Dato' Sedia Raja/Dato' Lela Maharaja.

29.3 Mereka berempat akan mengetuai wakil Dato' Penghulu Luak lain dalam urusan tersebut. 'Lembaga Yang Empat' ini juga memainkan peranan dalam sistem istana terutama semasa upacara pertabalan dan istiadat mengadap. Mereka juga memberi arahan kepada 'Orang Empat Istana' berhubung dengan adat istiadat di istana. Tanggungjawab mereka memastikan setiap upacara menjemput 'Lembaga Yang Empat' ke balai penghadapan berjalan lancar.

Tiga dato' lembaga berkenaan disertai oleh Dato' Lembaga di Luak Terachi, Gunung Pasir dan Jempol. Manakala Dato' Senara Muda disertai oleh lembaga di luak Johol sendiri iaitu Dato' Andika.

29.4 Bagaimanapun 'Lembaga Yang Empat' tidak dibenarkan di dalam peraturan untuk 'mencari adat'; yakni mengadakan mesyuarat khas apabila berlaku perkara berbangkit mengenai adat. 'Lembaga Yang Delapan' pula tidak mempunyai tugas khusus seperti 'Lembaga Yang Empat' ini. Tetapi mereka dibenarkan 'mencari adat' dengan mengadakan mesyuarat bagi mendapat muafakat dalam menyelesaikan masalah yang berbangkit.

29.5 Keputusan mereka inilah disampaikan kepada 'Lembaga Yang Empat' untuk diserahkan kepada Dato' Penghulu Luak. Segala keputusan sama ada menolak atau menerima terletak dalam bidang kuasa Dato' Penghulu Luak, yang ditegaskan dalam perbilangannya:

***Kata mencari pada Yang Delapan  
Kebulatan pada Yang Empat  
Hidup mati pada Dato' Muar.***

- 29.6 Dalam hubungan ini apakah pula fungsi 'Lembaga Tambahan' yang diwujudkan setelah semua tugas-tugas dan tanggungjawab diserahkan kepada "LEMBAGA YANG EMPAT dan LEMBAGA YANG DELAPAN". Mereka tidak berhak mencampuri urusan di dalam bidang kuasa lembaga berkenaan kerana 'pelepah tidak akan melampaui pucuk.'

Di samping menerima semua keputusan yang diambil, Lembaga Tambahan berfungsi sebagai pembantu dalam urusan-urusan awam yakni bersangkutannya mengenai hubungan lembaga dengan anak-anak buah atau suku.

### **30. LEMBAGA TAMBAHAN**

- 30.1 Tidak ada tugas khas untuk 'Lembaga Tambahan' terutama bersangkutannya dengan urusan di istana atau di balai Dato' Penghulu. Tetapi mereka masih boleh memberi sumbangan dengan menerima aduan daripada anak-anak buah supaya disampaikan kepada lembaga yang lain.
- 30.2 Masalah di sekitar anak buah bukanlah sekadar nikah kahwin atau tanah adat sahaja. Sebelum negara maju dalam era moden, dato'-dato' lembaga inilah menjadi tumpuan apabila berlaku pergaduhan atau pertelingkahan di dalam masyarakat. Kalau berlaku kecurian di dalam kampung mereka juga diminta menentukan penyelesaian sekiranya pencuri dapat ditangkap. Mereka juga menentukan hukuman;

***Luka cagak  
Pecah berdarah  
Cacat cida.***

- 30.3 Setelah negara bertambah moden, peranan mereka sudah diambil alih oleh polis dan mahkamah yang melaksanakan pentadbiran undang-undang. Peranan mereka tidaklah berfungsi sama seperti sebelum negara maju. Tepatlah pula seperti diungkapkan oleh cendekiawan di Tanah Minang sendiri:

***Dahulu rabab nan batangkai  
Kini langgundi nan babungo  
Dahulu adat nan bapakai  
Kinilah rodi nan paguno  
(\* rodi ialah mata wang Indonesia  
semasa pemerintahan penjajah Belanda)***

30.4 Mengikut catatan Newbold, pesaka LEMBAGA TAMBAHAN diwujudkan ketika Dato' Bongkok Abdul Malik menyandang pesaka Penghulu Luak Ulu Muar dengan restu Yamtuan Radin di Seri Menanti. Suku yang mendapat 'Lembaga Tambahan' ini ialah:

1. Suku Biduanda Jawa
2. Suku Seri Lemak Minangkabau
3. Suku Tanah Datar
4. Suku Mungkal

Tiga daripada suku itu lembaga asalnya duduk dalam 'Lembaga Yang Empat', kecuali suku Biduanda Jawa tidak ada di dalam lembaga Yang Empat mahupun 'Lembaga Yang Delapan'. Proses perlantikan Lembaga Tambahan sama juga dengan lembaga Yang Empat dan Lembaga Yang Delapan.

## **31. SUKU BIDUANDA JAWA**

31.1 Gelaran lembaga suku ini ialah Dato' Penghulu Dagang dengan mempunyai tiga perut. Bagaimanapun seorang sahaja buapaknya yang mengetahui ketiga-tiga perut berkenaan, bergelar To' Raja Senara. Keturunan mereka juga dikatakan berasal dari Rembau dengan menamakan perut yang terlingkung dalam suku ini setelah membuat penempatan di Ulu Muar.

Tiga perut yang terlingkung dalam suku Biduanda Jawa, ialah:

1. Perut To' Beremban
2. Perut To' Gaung



### 3. Perut To' Panjang Kuku

- 31.2 Suku Biduanda Jawa ini menjadi cabang ketiga kepada waris Muar yang disebut: Waris Muar tiga cabang, empat dengan Jawa. Mereka tidak dibenarkan bersemenda dengan waris Muar, disamping tidak boleh menyandang pesaka Dato' Penghulu Luak, Dato' Perdana atau Dato' Purba.

Mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga suku ini ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' PENGHULU DAGANG		
Perut	To' Beremban	To' Gaung	To' Panjang Kuku
Penyandang secara kronologi	1. Tabau 3. Sarak 6. Sabit 7. Siasar 10. Ujang b. Idam (30.3.95 hingga sekarang)	2. Aba 5. Saleh 9. Bodok	4. Sukul 8. Siuntong
Gelaran Buapak	To Raja Senara		

- 31.4 Bagaimanapun suku mereka dibenarkan semenda menyemenda dengan suku Biduanda Sungai Ujong. Ertinya suku Biduanda Jawa ini memang mempunyai pertalian dengan Biduanda Waris dan Biduanda Sungai Ujong. Sebab itulah mereka mempunyai peraturan iaitu boleh bersemenda dengan Biduanda Sungai Ujong, tetapi tidak boleh dengan Biduanda Waris (Waris Muar).

## 32. SUKU SERI LEMAK MINANGKABAU

- 32.1 Berbeza dengan suku Seri Lemak Minangkabau yang duduk dalam 'Lembaga Yang Empat' suku ini terlingkung empat perut

yang berhak menerima giliran menyandang Pesaka lembaga bergelar Dato' Orang Kaya Muda. Mereka adalah kumpulan suku Seri Lemak Minangkabau yang datang terkemudian daripada kumpulan yang dipimpin oleh Dato' Puteh dan Dato' Pandak.

32.2 Jumlah perutnya empat iaitu lebih besar daripada suku Seri Lemak Minangkabau yang asal hanya dua perut sahaja. Empat perut dalam suku Seri Lemak Minangkabau di bawah lembaga Tambahan ini ialah:

1. Perut Tanjung
2. Perut Ampang Serong
3. Perut Pulau
4. Perut Parit

32.3 Seorang sahaja buapak mengetuai semua perut dengan gelaran To' Maharaja Kaya. Mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga berkenaan terdiri daripada:

Gelaran Pesaka	DATO' ORANG KAYA MUDA			
Perut	Tanjung	Ampang Serong	Pulau	Parit
Penyandang secara kronologi	3. Bagan  6. Katal  10. Tochan	5. Bagul 7. Lasin  11. Jaalam Othman 12. Ali Muda (sekarang)	1. Hj. Maumin 2. Pengkar  8. Judin	4. Idin  9. Ipai
Gelaran Buapak	To' Maharaja Kaya			

### 33. SUKU TANAH DATAR

33.1 Satu lagi suku yang duduk dalam Lembaga Yang Empat mendapat 'Lembaga Tambahan' ialah suku Tanah Datar. Gelaran lembaganya DATO' PERDANA, sama seperti gelaran bakal Penghulu Luak daripada Biduanda Waris. Bagaimanapun kedudukan perut mereka adalah terasing daripada suku Tanah Datar asal.

33.2 Tiga perut terlingkung di dalam suku ini dengan dua orang buapak bergelar To' Maharaja Senara, dan To' Raja Sekara. Tiga perut yang terbabit ialah:

1. Perut Kampung Gedang atau To' Oka
2. Perut Senaling atau To' Ambik
3. Perut Ulu Pilah atau To' Samar

33.3 Susur galur keturunan mereka sudah tentulah bermula daripada To' Oka, To' Ambik dan To' Samar yang menjadi carak dalam menentukan perut itu. Mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga ini pula terdiri daripada:

Gelaran Pesaka	DATO' PERDANA		
Perut	Kg. Gedang/ To' Oka	Senaling To' Ambik	Ulu Pilah/ To' Samar
Penyandang secara kronologi	1. Apa 2. Alau 3. Ijok  6. Salam  9. Ali (sekarang)	4. Bagai  7. Hasan	5. Japar  8. Yusof
Gelaran Buapak	To' Senara dan To' Raja Sekara		

- 33.4 Keturunan mereka berpindah dari luak Gunung Pasir dalam dua kumpulan yang dikenali sebagai: Tanah Datar kurang dua Lima Puluh dan Tanah Datar Lapan puluh. Kumpulan pertama datang berpindah mengandungi 48 orang sahaja, manakala kumpulan kedua pula genap lapan puluh orang. Bagaimanapun kedua-dua kumpulan ini dibenarkan semenda menyemenda.
- 33.5 Suku berkenaan diberi kedudukan 'Lembaga Tambahan' oleh Dato' Bangkok Abdul Malik sekitar tahun 1850-an. Gelaran lembaganya Dato' Perdana itu juga diberikan oleh Dato' Penghulu Luak Abdul Malik yang memberikan tempat penerokaan kepada suku mereka.

### 36. SUKU MUNGKAL

- 34.1 Mereka juga sebahagian daripada suku Mungkal yang menganggotai LEMBAGA YANG EMPAT. Gelaran lembaganya ialah Dato' Semaharaja, dengan dua perut dalam lingkungannya di ketuai oleh dua orang buapak.
- 34.2 Dua perut berkenaan ialah: Perut Kiri Mudik Sungai Pilah dengan buapak To' Setia Raja, dan Perut Kanan Mudik Sungai Pilah, buapaknya To' Perdana. Mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga berkenaan ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' SEMAHARAJA	
Perut	Kiri Mudik Sg. Pilah	Kanan Mudik Sg. Pilah
Penyandang secara kronologi	2. Hj. Mat Taib 4. Hj. Daud 6. Hj. Ibarahim b. Salleh	1. Akin 3. Samat 5. Ibrahim
Gelaran Buapak	To' Setia Raja	To' Perdana

- 34.3. Kewibawaan Dato' Bangkok Abdul Malik, bukan sahaja berani menegakkan perinsipnya mempertahankan Raja Radin menjadi Yamtuan Besar Pertama tidak dijempit dari Minangkabau, malah menyelesaikan beberapa krisis dalam luak dengan mewujudkan 'Lembaga Tambahan' ini.
- 34.4. Dalam pemerintah tradisi kedudukan di dalam suku penting bagi mendapatkan perhatian daripada pemerintah. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai hak di dalam suku, sudah tentu saluran kemudahan seperti mendapatkan tanah atau keadilan tidak mendapat layanan sewajarnya.

### 35. KECIL BERNAMA BESAR BERGELAR

- 35.1. Luak Ulu Muar menurut catatan Newbold adalah sebahagian daripada luak Johol. Taraf bernegeri sendiri yang diperolehinya tidak sama dengan luak Johol, Sungai Ujong, Jelevu dan Rembau. Sekalipun lembaga-lembaga luak Ulu Muar percaya Penghulu Luak mereka menerima cop mohor daripada Sultan Abdul Jalil II sebagai pemerintah sendiri, tetapi fakta itu bercanggah dengan tarikh.
- 35.2. Sultan Abdul Jalil II yang memerintah Johor ialah tahun 1571 - 1597, sementara Dato' Penghulu Naam, Penghulu Luak yang pertama hidup pertengahan kurun 18. Dato' Penghulu Naam terbabit dalam perang melawan Raja Melewar ialah sebelum tahun 1773. Oleh itu jarak tarikh di antara Dato' Penghulu Naam dengan Sultan Abdul Jalil II ialah 200 tahun.
- 35.3. Sehingga 1879 gelaran kepada Dato' Penghulu Luak Ulu Muar di sebut Dato' penghulu sahaja, sekalipun dalam cop mohor Sultan Johor itu gelaran Penghulu Luak ialah Dato' Bendahara Setia maharaja. Dato' Bangkok Abdul Malik yang banyak menimbulkan sejarah penting dalam sistem beraja di Negeri Sembilan juga masih bergelar Dato' Penghulu Luak.
- 35.4. Dalam masa pemerintahan Yamtuan Antah ketika mewujudkan 'Luak Tanah Mengandung' tahun 1876 bersamaan Hijrah 1293 Penghulu Luak Ulu Muar dikurniakan cop mohor dengan gelarannya: Dato' Penghulu Muar Setia Maharaja Lela Pahlawan.
- 35.5. Di bawah naungan British, kedudukan Penghulu Luak Ulu Muar tidaklah setara dengan empat luak yang termaktub dalam

perlembagaan sebagai UNDANG YANG EMPAT, iaitu Sungai Ujong, Jelevu, Rembau dan Johol. Dalam katogeri period pertama empat negeri asal di Negeri Sembilan mengikut kajian orientalis barat memang meliputi Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Kelang, dengan tidak membabitkan Rembau.

- 35.6 Semua lembaga luak Ulu Muar sama ada 'Lembaga Yang Empat', 'Lembaga Yang Delapan' dan 'Lembaga Tambahan', termasuk Dato' Perdana, Dato' Purba dan Dato' Baginda Maharaja dikehendaki mengadap Dato' Undang Luak Johol selepas mereka dilantik menyandang pesaka.
- 35.7 Ketika penduduk-penduduk luak Ulu Muar melantik Naam anak kecil berumur enam tahun menjadi Dato' Penghulu mereka, mandat diberi kepada Khatib Akhir Haji Salleh iaitu ayah Naam sebagai pembantu penghulu. Sebab itulah keturunan Khatib Akhir juga diberi gelaran: Dato' Baginda Maharaja sesuai dengan perbilangannya:

***Kocik benamo  
Gadang bagola  
maksudnya:  
(Kecil bernama Besar bergelar)***


Ertinya setiap penyandang pesaka sama ada kedudukannya 'kecil' ataupun 'besar' mestilah mempunyai gelaran yang sesuai bagi memudahkan anak-anak buah mengenali mereka. Urusan mereka pula ditetapkan mengikut peringkat masing-masing.

Masalah anak buah akan disampaikan kepada buapak, kemudian dipanjangkan kepada Lembaga dan Dato' Penghulu. Seterusnya kepada raja sekiranya masalah itu tidak dapat diselesaikan di peringkat bawah lagi.

- 35.8 Demikian juga perintah daripada raja akan disalurkan kepada Dato' Penghulu sebelum dilanjutkan kepada lembaga, buapak dan seterusnya anak buah. Inilah proses pentadbiran dalam adat yang dijalankan di Luak Ulu Muar berasaskan kedudukan ketua-ketua adat yang 'Kecil bernama, besar bergelar' mengikut perbilangannya:

***Pulai berpangkat naik  
Membawa buku dengan ruas  
Manusia berpangkat turun  
Membawa adat dengan lembaga.***





**COP MOHOR  
PENGHULU LUAK ULU MUAR**